1. [Maklumat Perancangan Strategik UiTM 2025.pdf](#)
2. [Data Pencapaian Strategik HEP 2018 - 2020 ver2.pdf](#)
3. [INISIATIF STRATEGIK HEP \(AKTIVITI\) 2019 -2021.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

HEP IM telah menyediakan inisiatif strategik yang memudahkan pengurusan dan pentadbiran aktiviti/program Persatuan Dalaman atau SULAM. Inisiatif ini telah bermula pada bulan November 2019 dan sentiasa dikemaskini mengikut PI yang ditentukan.

Berdasarkan kepada inisiatif strategik ini telah menghasilkan secara keseluruhan, sebanyak 98 aktiviti pelajar telah mendapat kelulusan dan telah dilaksanakan pada tahun 2019. Manakala, bagi tahun 2020 hanya 37 aktiviti sahaja yang telah mendapat kelulusan dan dapat dijalankan akibat daripada penularan pandemik COVID-19. Dimana pada tahun 2020, hanya 7 aktiviti sahaja yang dapat dilaksanakan secara fizikal, manakala, baki 30 aktiviti telah berlangsung melalui atas talian. Penurunan aktiviti Persatuan Dalaman ini agak ketara di antara tempoh Mac hingga Mei 2020 berpunca daripada kekangan semasa penularan pandemik. Disebabkan akur dengan ketetapan PKP oleh Kerajaan Malaysia, hanya kursus SULAM sahaja yang diberikan sepenuh perhatian oleh *Resource Person* bagi kursus berkenaan dan Ketua Pusat Pengajian. Tetapi bermula pada Oktober 2020, aktiviti pelajar kembali rancak dan aktif. Pecahan bagi kelulusan program/aktiviti pelajar bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Kategori

Tahun 2019

Tahun 2020

Bilangan kelulusan aktiviti bersama komuniti dan masyarakat

26 (26.5%)

17 (45.9%)

Bilangan kelulusan aktiviti bersama industri

7 (7.1%)

1 (2.7%)

Bilangan kelulusan aktiviti peringkat antarabangsa

9 (9.2%)

1 (2.7%)

Bilangan kelulusan aktiviti peringkat Fakulti dan Universiti

56 (57.1%)

18 (48.6%)

Jumlah kelulusan

98 (100%)

37 (100%)

Bukti: Aktiviti Pelajar FPM 2019 dan 2020

Selain daripada SULAM, HEP juga bekerjasama dengan HEA IM bagi menjayakan program pertukaran pelajar antara universiti dan pihak OIA (Office of International Affairs UiTM). Sebagai

CONTOH :

a) September 2019 – Januari 2020, IM telah menerima 4 orang pelajar dari Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) bagi program pertukaran pelajar. Keempat-empat pelajar telah mengikuti sesi pengajian bersama pelajar IM244 (Pengurusan Perpustakaan) di Semester 05. Empat orang pelajar tersebut adalah :

- i- Rayhan Musa Novian
- ii- Rifa Nadila
- iii- Nurul Aziza
- iv- Tsania Syaharani

b) 01-04 November 2019, IM telah menghantar 5 orang pelajar bagi menyertai program FISIP Idea Matters 6.0 anjuran Universitas Airlangga Indonesia. Seorang pelajar IM, Saudara Hazmi Fahim Haznain telah dipilih untuk memenangi anugerah Best Presenter.

c) 08-13 Disember 2019, IM telah menghantar ___ orang pelajar bagi menyertai International Thematic Camp 2019 yang dianjurkan oleh School of Information Systems, Bina Nusantara University, Jakarta Indonesia dan seorang pelajar IM, Saudara Hassan Ali Mustamum; telah dianugerahkan Excellent Participation as Best Team.

d) 01-15 Februari 2020, IM telah mengantar 4 orang pelajar untuk menyertai Program Pertukaran Pelajar di University of Dhaka Bangladesh.

Bukti :

Report on Internationalisation Activities 2019

Report on Internationalisation Activities 2020

SENARAI BUKTI :

1. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020.pdf](#)
2. [Report on Internationalisation Activities 2019.pdf](#)
3. [Report on Internationalisation Activities 2020.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fakulti Pengurusan Maklumat mempunyai Tadbir Urus yang dapat memperkasa peranan dan fungsi Hal Ehwal Pelajar (FPM). Setiap PI yang diletakkan dibawah Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar) akan dipantau melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) pada setiap bulan. Melalui Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) juga, Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU), FPM akan membentangkan setiap pencapaian PI termasuk PI di bawah HEP dalam tempoh tiga (3) bulan sekali.

-

Mesyuarat Kewangan Aktiviti dan Pembangunan Pelajar (MeKAPP), adalah mesyuarat yang membincangkan dan meluluskan permohonan kewangan dan aktiviti oleh Persatuan Dalaman atau Pusat Pengajian bagi menjalankan sesuatu aktiviti. MeKAPP dipengerusikan oleh Dekan IM dan dianggotai oleh Timbalan-Timbalan Dekan FPM, Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran & Sumber), Penolong Bendahari Kanan, Bahagian Kewangan Kampus Puncak Perdana dan Pegawai Eksekutif (Hal Ehwal Pelajar) selaku Setiausaha mesyuarat. MeKAPP dijadualkan sebanyak 5 kali dalam satu semester (2019, sebelum pandemik) dan 2 kali dalam satu semester (2020, semasa pandemik).

-

Dibawah Timbalan Dekan (HEP) juga telah dilantik beberapa penyelaras yang dapat membantu HEP bergerak dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Penyelaras yang dilantik adalah :

- a. Penyelaras Aktiviti dan Pembangunan Pelajar
- b. Penyelaras Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar
- c. Penyelaras Kepimpinan dan Kebolehpasaran Pelajar

SENARAI BUKTI:

1. [Lantikan Penyelaras Hep 2020.pdf](#)
2. [2.4.1 Petikan Minit MPE Ke-36 Bil 15 2020 - Perancangan Strategik FPM - 27 Ogos 2020.pdf](#)
3. [2.4.1 Petikan Minit MPE Ke-41 Bil 20 2020 KHAS Perancangan Strategik - 04 Dis 2020.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Berdasarkan inisiatif-inisiatif yang dirancang untuk mencapai PI di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), dapat dikenalpasti ianya melibatkan beberapa fungsi utama BHEP seperti berikut :

- a. Pembangunan Pelajar
- b. Pemantauan Disiplin, Sahsiah dan Hubungan Pelajar
- c. Modul Pembangunan Kerjaya
- d. Penyediaan Kemudahan, Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar

Bagi menghadapi Pendemik COVID-19 yang melanda dunia, beberapa proses telah dikenalpasti di dalam Daftar Analisa Impak Operasi sebagai mempunyai risiko bagi setiap pelaksanaan program dan aktiviti. Justeru, beberapa strategi telah dikenalpasti bagi mengurangkan risiko pelaksanaan iaitu :

Aktiviti Meet and Greet Information Management (Tahap Impak : Tinggi)

Strategi utama - perubahan kaedah pelaksanaan aktiviti iaitu :

- a. Impak Manusia – Para pelajar dipecahkan kepada skala yang lebih kecil dan mereka boleh merujuk terus dengan mentor ataupun KPP bidang masing-masing.
- b. Impak Manusia – Para pelajar boleh mendaftarkan diri di media sosial ataupun platform atas talian yang diuruskan oleh pihak Fakulti untuk mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa.
- c. Impak Operasi – Komunikasi bersama para pelajar dapat dilakukan secara maya melalui aplikasi Whatsapp, Zoom, Google Meet atau mana-mana aplikasi yang mana para pelajar dapat berinteraksi dengan staf akademik dan pengurusan untuk mendapatkan maklumat tepat ataupun sekiranya mereka mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan bidang pengajian
- d. Impak Objektif – Mencari alternatif bagi medium komunikasi untuk para pelajar yang tiada akses kepada Internet, bagi memastikan semua pelajar mendapat maklumat yang tepat dan samarata (eliminate the digital gap)

Aktiviti Ekspo Kerjaya (Tahap Impak : Tinggi)

Strategi utama - Mengubah cara pelaksanaan aktiviti

- a. Impak Reputasi - Menjalinkan hubungan yang baik antara pihak industri dan alumni untuk mendapatkan maklumat atau maklumbalas berkaitan kerjaya/latihan yang diperlukan oleh pihak industri.
- b. Impak Objektif - Mendapatkan kerjasama daripada pihak industri mengenai peluang-peluang kerjaya di dalam bidang sains maklumat untuk dipaparkan di dalam media sosial FPM untuk dihebahkan kepada para pelajar.

Aktiviti Finishing School (Tahap Impak : Tinggi)

Strategi utama - Mengubah cara pelaksanaan aktiviti

- a. Impak objektif - Program terpaksa ditangguhkan semester ini kerana PKP, namun pelajar tetap perlu menghadiri program tersebut yang dijangka akan diadakan pada semester hadapan.
- b. Impak objektif - Program ini wajib dihadiri oleh pelajar ketika berada di semester 5, namun terdapat juga sejumlah 17 orang pelajar yang tidak dapat hadir pada semester lepas. Pelajar tetap perlu menghadiri program pada semester ini. Namun, oleh kerana penagguhan ini, 17 orang pelajar tersebut yang kini berada di semester 6 akan menjalani latihan industri pada semester hadapan. Mereka ini tetap perlu menghadiri program finishing school ketika mereka sedang dalam latihan industri (program hanya diadakan pada hujung minggu dan masa program juga telah dipendekkan dari sediakala)
- c. Impak operasi - Taklimat 'Training of Trainers' kepada penyelarar finishing school akan diadakan selepas tamat tempoh PKP

Program SULAM/Khidmat Masyarakat (Tahap Impak : Tinggi)

Strategi utama - Mengubah cara pelaksanaan aktiviti

- a. Impak Reputasi - Menjalinkan hubungan yang baik antara pihak industri, komuniti dan alumni dengan bekerjasama di dalam aktiviti yang tidak melibatkan perkumpulan mahasiswa di satu tempat. Aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah seperti khidmat membangunkan perpustakaan desa/masyarakat luar bandar dan yang berkaitan.
- b. Impak Operasi - Tidak melibatkan bilangan pelajar yang ramai di suatu tempat, tidak dapat melaksanakan program khidmat masyarakat dalam skala yang besar seperti pembersihan pantai dan Zoo Negara. Aktiviti ini kebiasaannya menjadi tarikan pelajar untuk menghilangkan beban tekanan membuat tugas kuliah.
- c. Impak Objektif - Perubahan kepada tugas di dalam kursus berkaitan.

SENARAI BUKTI :

1. [Analisis Kebergantungan FPM.pdf](#)
2. [Analisis Impak FPM.pdf](#)
3. [Perancangan Kesenambungan Operasi FPM.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi mengkaji semula dan melaksanakan tindakan penambahbaikan terhadap pencapaian PI yang diletakkan dibawah BHEP bermula 2018 sehingga 2020, tindakan penambahbaikan telah diambil melalui perbincangan di Mesyuarat Pengurusan Eksekutif dan dilaksanakan penambahbaikan berdasarkan inisiatif-inisiatif sedia ada.

HEP IM sentiasa bersedia dengan setiap kemungkinan perubahan Petunjuk Prestasi (PI) yang disasarkan oleh pihak Universiti kepada setiap fakulti.

Pada peringkat awal tahun 2019, berlaku sedikit keraguan mengenai PI-PI yang telah ditentukan kepada HEP IM. Pertukaran TDHEP sedikit sebanyak telah mengubah lanskap pengurusan aktiviti pelajar yang disasarkan terus kepada PI HEP. Peranan TDHEP dan Penyelaras Perancangan Strategik banyak membantu di dalam kejayaan HEP IM untuk mencapai PI 100% pada tahun 2020 walaupun tahun berkenaan masih berbaki 5 bulan.

Perbincangan demi perbincangan di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif yang dianggotai oleh Dekan IM, Timbalan-timbalan Dekan IM, Penyelaras Perancangan Strategik, Ketua Unit Kualiti IM dan Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran) telah memberikan idea kepada HEP IM untuk memperkenalkan beberapa inisiatif yang bertujuan untuk mencapai PI dengan lebih mudah, dinamik, efisien dan efektif.

SENARAI BUKTI :

1. [2.4.3 Petikan Minit MPE Ke-41 Bil 20 2020 KHAS Perancangan Strategik - 04 Dis 2020.pdf](#)
2. [Petikan Minit Mesyuarat Bil 16 2020 - Pembentangan PI HEP Lengkap 100.pdf](#)
3. [Petikan Minit Mesyuarat Bil 12 2020 - Pembentangan Kemajuan PI HEP 2020 No Lampiran.pdf](#)
4. [Lampian 1- Minit Mesyuarat Bil 12 2020 - Pembentangan Kemajuan PI HEP 2020.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengagihan bagi setiap PI yang diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar, dilaksanakan secara sekata berdasarkan peranan dan penglibatan staf akademik berkenaan sebagai strategi bagi pencapaian PI – PI HEP IM. Setiap pemilik PI yang dilantik, bertanggungjawab memastikan setiap sasaran PI yang diletakkan, dapat dicapai melalui setiap aktiviti yang dirancang.

Di samping itu juga, bagi memastikan sasaran KPI yang dirancang dapat dicapai, HEP IM juga dalam masa yang sama sentiasa memantau kebajikan dan keperluan pelajar dari setiap aspek supaya impak keberhasilan pelaksanaan program dan aktiviti, dapat diperolehi oleh para pelajar.

Beberapa usaha juga telah dilaksanakan oleh HEP IM bagi memastikan para pelajar mempunyai mendapatkan pengalaman dan ilmu secara dengan pihak industri, dengan kaedah melaksanakan program dan aktiviti bersama pihak industri dan komuniti/masyarakat (melalui aktiviti SULAM).

Pihak fakulti juga menyediakan platform kepada para pelajar FPM dengan membuka peluang kepada para Pelajar tahun akhir, untuk keluar negara (melalui program IM ABROAD). Melalui program ini, fakulti dapat menggalakkan dan memberi pendedahan kepada pelajar untuk menimba pengalaman/berbincang/berkongsi idea bersama pelajar bidang sains maklumat dan juga lain bidang dari universiti di luar negara.

Peluang-peluang yang dirancang dan disediakan kepada para pelajar, secara tidak langsung, dapat memenuhi PI berkaitan kepimpinan Pelajar seperti yang diletakkan di KPI HEP.

SENARAI BUKTI :

1. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020 - Bersama Organisasi dan Masyarakat.pdf](#)
2. [Report on Internationalisation Activities 2019.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan utama Hal Ehwal Pelajar (HEP) Fakulti Pengurusan Maklumat (IM) ialah kepada pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat. Menjaga kebajikan pelajar adalah fokus utama HEP FPM disamping melahirkan pelajar yang berinsaniah tinggi.

Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, pelbagai aktiviti dirangka dan dilaksanakan oleh HEP FPM. Program yang dilaksanakan bukan sahaja memberi pelajar pendedahan dgn aktiviti dalaman univeristi, malah membuka peluang kepada pelajar untuk berkolaborasi dengan pihak industri serta universiti antarabangsa. Ini secara tidak lansung memberi pengalaman secara praktikal serta mempersiapkan pelajar untuk menghadapi dunia sebenar pekerjaan.

Setiap program yang dirancang, perlu mengikut prosedur yang ditetapkan. Analisa risiko bagi setiap program yang dijalankan juga diteliti bagi memastikan ia berjalan lancar dan memberi impak positif kepada pelajar. Ini termasuk juga kawal selia dari pengurusan kewangan. Bagi kebanyakan program yang dilaksanakan, kelulusan program diberikan bersama-sama dengan peruntukan kewangan. Maka laporan penuh program berserta perbelanjaan peruntukan perlulah dikemukakan di penghujung setiap program. Ini bagi memastikan intergrasi HEP FPM terpelihara.

Selain daripada itu, aspek kebajikan pelajar juga adalah amat dititikberatkan. Bantuan kewangan seperti zakat akan diusahakan oleh HEP FPM kepada pelajar yang memerlukan. Begitu juga sokongan dari aspek masalah peribadi yang melibatkan institusi kekeluargaan dan lain-lain. Pihak HEP FPM memandang serius dengan setiap aduan yang diterima dari setiap pelajar dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membantu pelajar yang bermasalah.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Hal Ehwal Pelajar (HEP) Fakulti Pengurusan Maklumat (IM) memberi fokus dan tumpuan sepenuhnya kepada pelajar diperingkat Ijazah mahupun Pascasiswazah. Pada tahun 2019, FPM mempunyai seramai 1,704 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda serta 339 orang pelajar Pascasiswazah (Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran); manakala pada tahun 2020, seramai 1,711 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda serta 323 orang pelajar Pascasiswazah telah mendaftar di FPM. Perancangan HEP IM setiap tahun disusun berdasarkan PI perancangan strategik universiti (rujuk bahan bukti). Program yang dilaksanakan pada tahun 2020 adalah program yang berdasarkan teras utama HEP iaitu (a) Program Finishing School/IM Junior Bootcamp, (b) Tabung Kebajikan Pelajar, (c) Pengendalian Pilihanraya JPP, (d) Pengurusan Zakat Pelajar dan (e) Aktiviti Pelajar. Berdasarkan teras utama tersebut, pelbagai aktiviti/program telah dilaksanakan walaupun pandemic berlaku pada tahun 2020. Kekuatan HEP IM untuk menyediakan; (a) HEP IM Inisiatif bagi Aktiviti Pelajar 2019-2021, (b) HEP IM Inisiatif Kebajikan dan berkaitan dan (c) Analisa Impak Pengoperasian HEP IM adalah sumber kepada kekuatan dan tunjang kejayaan HEP IM mengurus dan mentadbir HEP semasa pandemic. Antara program yang berjaya dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan baharu seperti IM Junior Bootcamp/ Finishing School yang kekal dilaksanakan mengikut sasaran pelaksanaan, program orientasi pelajar atau dikenali sebagai MAGIM StEPS yang dilaksanakan pada setiap awal semester, menghantar pelajar menyertai Pertandingan anjuran Universiti-universiti Indonesia, Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang, E-Sports dan program SULAM. Program terakhir yang sempat dilaksanakan secara fizikal sebelum Pandemik adalah seperti Lawatan Sambil Belajar Pelajar-Pelajar RECMA (IM247) ke Singapura 2019 : Jelajah Cakna, Big Reader Big Future Dan Home Library: House Of Words, pertukaran pelajar dengan University of Dhaka, Bangladesh dan program Leadership and Retreat Mac 2020. Kesemua program yang dilaksanakan adalah berdasar dari kelulusan Mesyuarat MeKApp yang menjadi medan meneliti ke semua kertas kerja berkaitan aktiviti pelajar serta memberi kelulusan pelaksanaan termasuk juga sokongan kewangan (rujuk bahan bukti).

HEP IM telah memberi komitmen penuh untuk menyokong keperluan pelajar. Sebagai contoh, bagi program IM Junior Bootcamp/Finishing School, telah melibatkan seramai 324 orang pelajar (Semester September 2019-Februari 2020) dan seramai 192 orang pelajar (Semester Mac-September 2020). Pelajar terbabit adalah dari semester 5, Program Ijazah Sarjana Muda (IM244, IM245, IM246 dan IM247) dan pelajar semester 4 bagi Program Ijazah Sarjana Muda (IM249). Program IM Junior Bootcamp/Finishing School banyak membantu pelajar sebagai persediaan pelajar untuk menghadapi dunia sebenar pekerjaan. Pada tahun 2019, sejumlah RM187,840.09 telah dibelanjakan dan pada tahun 2020; sejumlah RM29,499.35 telah dibelanjakan dari Akaun Pengurusan Fakulti : Keraian Pelajar untuk menyokong aktiviti pelajar. Tidak ketinggalan, kebajikan pelajar juga terus diambil peduli dengan menyokong usaha Unit Zakat UiTM menghebahkan bantuan yang disediakan oleh Unit Zakat UiTM. Untuk makluman, HEP IM hanya menyediakan hebahan maklumat mengenai bantuan dari Unit Zakat UiTM sahaja. Segala urusan berkaitan temuduga pelajar yang layak, pemprosesan borang dan sebagainya tidak diuruskan oleh HEP IM. Bagi menghargai pelajar yang cemerlang di dalam akademik dan juga aktiviti berpersatuan, HEP IM juga menganjurkan Program Majlis Apresiasi dan Kecemerlangan Pelajar yang diadakan pada 3 Mei 2019 dan 3 Disember 2019 (Malam Pra Graduan) dan 25 Disember 2020 (dianjukkan kepada 4 Januari 2021). Program pada 4 Januari 2021 merupakan program pertama dianjurkan secara atas talian dengan menggabungkan dua semester pengajian dan diadakan secara atas talian (FB IMSA FPM). Para pelajar yang berjaya telah menerima hadiah berupa plaque dan medal serta sijil yang dihantar terus ke rumah masing-masing. Ini adalah untuk menghargai pelajar yang beroleh kejayaan dari sudut pelajaran mahupun aktiviti persatuan dan juga MPP.

Pada tahun 2019 dan 2020 juga menyaksikan ke semua sembilan PI HEP IM menepati malah ada yang melebihi sasaran yang ditetapkan. Ini adalah salah satu usaha HEP IM demi memastikan kepentingan dan kebajikan pelanggan terus dengan baik. PI bagi tahun 2019 kepada HEP IM terdiri daripada dua iaitu :

a) *Outcome 2 :*

PI4 : Indeks kepuasan graduan terhadap bimbingan kerjaya

PI5 : Bilangan program kesukarelawanan mahasiswa secara kolaborasi bersama industry

PI1 : Bilangan penganjuran program berteraskan UCE (University Community Engagement)

b) *Outcome 5 :*

PI 2 : Bilangan program kesukarelawanan mahasiswa secara kolaborasi bersama masyarakat.

PI4 : Bilangan program khidmat kepakaran mahasiswa – masyarakat yang dianjurkan setahun.

Pada tahun 2020, HEP IM telah dipertanggungjawabkan dengan 3 PI utama iaitu :

- PI 34 - Bilangan pelajar berkaitan dengan program SULAM
- PI 35 - Bilangan komuniti yang terlibat dengan program SULAM
- PI 36 - Bilangan pelajar ijazah sarjana muda yang terlibat dengan program SULAM

Seterusnya pada tahun 2021 aktiviti dirangka mengikut PI tahun 2021 iaitu program yang melibatkan pelajar secara kolaboratif bersama pihak industri, program pelajar Sarjana Muda yang melibatkan keusahawanan dan budaya yang tidak tersenarai dalam kurikulum program serta program yang melibatkan aktiviti pembelajaran dan perkhidmatan.

SENARAI BUKTI:

1. [Bantuan Kewangan dan Perbelanjaan Pelajar.pdf](#)
2. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020-.pdf](#)
3. [Minit MeKAPP FPM 2019 dan 2020.pdf](#)
4. [Evidence of Competition and Academic \(Outbound\).pdf](#)
5. [Data Pencapaian Strategik HEP 2018 - 2020.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Hal Ehwal Pelajar (HEP) Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) juga mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan kepada pelajar bukan sahaja untuk aktiviti dalaman universiti, malah turut melibatkan organisasi dan industri samada dalam dan luar negara. HEP IM juga telah bersama-sama membantu Fakulti dengan membantu Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri untuk menyediakan program atau aktiviti pelajar yang menjurus kepada pencapaian PI kepada Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) IM. Sebagai contoh aktiviti kolaborasi pelajar bersama : (a) Institut Jantung Negara (IJN), di mana pelajar bersama-sama kakitangan IJN membuat projek khas dalam mengemaskini rekod pengurusan dan pentadbiran rekod perubatan di IJN; (b) PETRONAS, dimana pelajar bersama-sama kakitangan Unit korporat PETRONAS bersama-sama menjalani projek khas Penilaian dan Pemisahan Rekod PETRONAS yang terdiri daripada koleksi Audio Visual agensi terbabit; (c) Arkib Negara Malaysia, dimana pelajar telah diberikan peluang menambahkan ilmu dan kemahiran di dalam ilmu deskripsi bahan arkib kertas dan pengurusan serta deskripsi bahan arkib berbentuk audio visual; serta (d) Jabatan Arkib Universiti (UiTM), dimana para pelajar telah didedahkan dengan ilmu Penilaian dan Pemisahan Rekod serta system klasifikasi dan pemfailan dengan menjalani latihan praktikal selama sebulan bersama Jabatan Arkib Universiti (UiTM). Aktiviti sedemikian dapat memberikan pendedahan kepada pelajar secara praktikal dari ilmu yang mereka perolehi dari dalam kuliah. Kesemua aktiviti berkenaan berjaya dilaksanakan sepanjang pengajian tahun 2019 tetapi telah dihentikan sementara pada tahun 2020. Walaubagaimanapun, pada tahun 2020 satu perancangan rapi telah dilaksanakan antara Pusat Pengajian dengan industri untuk terus menjalankan aktiviti berbentuk perkongsian ilmu dan kemahiran secara atas talian dan dijangka bermula pada tahun 2021.

Selain daripada itu, HEP UiTM juga memberi galakkan kepada pelajar untuk menjalankan aktiviti khidmat masyarakat yang melibatkan organisasi luar, seperti program 'Jom Membaca 10 Minit' yang dilaksanakan di Panggung Anniversary Taman Tasik Perdana yang bertujuan untuk pelajar menarik minat dan menggalakkan budaya membaca dikalangan masyarakat.

Malah aktiviti yang melibatkan pelajar dan universiti dari luar negara turut dilaksanakan. Antaranya seperti :

a) September 2019 – Januari 2020, IM telah menerima 4 orang pelajar dari Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) bagi program pertukaran pelajar. Keempat-empat pelajar telah mengikuti sesi pengajian bersama pelajar IM244 (Pengurusan Perpustakaan) di Semester 05. Empat orang pelajar tersebut adalah :

- i- Rayhan Musa Novian
- ii- Rifa Nadila
- iii- Nurul Aziza
- iv- Tsania Syaharani

b) 01-04 November 2019, IM telah menghantar 5 orang pelajar bagi menyertai program FISIP Idea Matters 6.0 anjuran Universitas Airlangga Indonesia. Seorang pelajar IM, Saudara Hazmi Fahim Haznain telah dipilih untuk memenangi anugerah Best Presenter.

c) 08-13 Disember 2019, IM telah menghantar 4 orang pelajar bagi menyertai Summer Programme di BINUS University, Jakarta Indonesia dan seorang pelajar IM, Saudara Hassan Ali Mustamum; telah dianugerahkan Excellent Participation as Best Team.

d) 01-15 Februari 2020, IM telah mengantar 4 orang pelajar untuk menyertai Program Pertukaran Pelajar di University of Dhaka Bangladesh.

SENARAI BUKTI :

1. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020 - Bersama Organisasi dan Masyarakat.pdf](#)
2. [Pelan Tindakan dan Penambahbaikan HEP.pdf](#)
3. [Aktiviti Pelajar FPM di Antarabangsa.pdf](#)
4. [Program Sulam dan khidmat masyarakat.pdf](#)
5. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Demi memelihara dan memperkasakan kualiti dan insaniah pelajar FPM, pihak HEP IM sentiasa mengambil berat terhadap keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan. Justeru itu, pemantauan dari aspek perancangan sehingga pelaksanaan terhadap setiap aktiviti telah di perincikan. Setiap dokumen kertas kerja yang dihantar telah diteliti dan diperhalusi sebaiknya. Begitu juga dari aspek kewangan, yang mana setiap perbelanjaan diteliti bagi memastikan ia digunakan sebaiknya untuk program yang dilaksanakan. Pensyarah atau pegawai juga dilantik untuk memberi nasihat dan memastikan kelancaran dan kejayaan program. Selain daripada itu, pelaporan akhir program perlu disediakan serta maklumbalas pelanggan terhadap program juga direkodkan.

Bagi memastikan semua program pelajar dianjurkan mengikut prosedur dan seperti yang telah ditetapkan, pihak HEP IM telah menyediakan garis panduan lengkap bermula dari permohonan, pelaksanaan dan laporan akhir program. Prosedur bermula dari pelajar menghantar borang permohonan aktiviti sehingga akhirnya surat kelulusan program dikeluarkan. Garis panduan ini adalah menjadi rujukan utama bagi setiap pelajar yang berhasrat menganjurkan program. Dengan adanya garis panduan lengkap ini, proses pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih telus di setiap peringkat penganjuran program. Selain daripada itu, mesyuarat MeKAPP juga memainkan peranan yang penting didalam memastikan kelulusan program diberikan hanya kepada program yang berkualiti dan memberi impak positif kepada pelajar.

Selesai setiap program atau aktiviti yang dijalankan, setiap Pengarah atau Ketua Projek diberikan tempoh dua (2) minggu untuk menghantar laporan aktiviti yang mengandungi; (a) Laporan keseluruhan program, (b) Kos yang digunakan (perlu disertakan resit asal dan mendapat pengesahan daripada TDHEP), (c) Masalah yang dihadapi, (d) Senarai kedatangan pelajar, (e) Gambar dan video (sebelum pandemic) atau gambar (paparan Google Meet/Webex/Zoom/FB Live) sebagai bukti berlangsungnya program.

Bagi penyediaan laporan berkaitan kos yang digunakan, kerani HEP IM akan memantau sepenuhnya dari segi; (a) Penyediaan laporan kewangan, (b) Salinan resit yang perlu disahkan oleh TDHEP (di cop dan ditandatangani), dan (c) Kos yang digunakan adalah seperti yang diluluskan di dalam MeKAPP sahaja. Program atau aktiviti yang memerlukan kos tambahan kepada program, perlu membuat permohonan kepada pihak Fakulti dan akan dibawa kepada MeKAPP sesi seterusnya.

SENARAI BUKTI:

1. [CARTA ALIR PROSES - PERMOHONAN MENGADAKAN AKTIVITI PELAJAR.docx.pdf](#)
2. [Contoh Laporan Selepas Aktiviti Pelajar.pdf](#)
3. [Minit MeKAPP FPM 2019 dan 2020.pdf](#)
4. [Surat Lantikan Pensyarah Penyelaras.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Di dalam bahagian hal ehwal pelajar FPM, risiko bagi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan diuruskan bagi berdepan dengan perkara yang tidak diduga berlaku. Ini dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini, jangkaan kepada risiko-risiko yang membabitkan pelajar dan juga staff pentadbiran

Walaupun berhadapan dengan pandemik dan risiko-risiko yang perlu dihadapi oleh HEP IM, HEP IM kekal menyusun strategi dengan mengubah cara pelaksanaan aktiviti. Ini termasuk mengambil kira risiko yang melibatkan aktiviti pelajar. Strategi Risiko terbahagi kepada; (a) Impak Manusia, (b) Impak Operasi, (c) Impak Reputasi dan (d) Impak Objektif.

1. Impak Manusia

a. Jika dibenarkan secara fizikal (F2F), para pelajar yang menyertai program/aktiviti akan dipecahkan ke skala yang lebih kecil; yang dibenarkan mengikut kepada SOP MKN, KPT dan UiTM dan mereka boleh merujuk terus dengan Resource Person/Pensyarah, KPP atau Penasihat Program berkenaan.

b. Jika secara online, para pelajar boleh mendaftarkan diri di media sosial ataupun platform atas talian yang diuruskan oleh pihak penganjur program/aktiviti untuk mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa atau untuk menyertai program/aktiviti tersebut.

2. Impak Operasi

Komunikasi bersama para pelajar dilakukan secara maya melalui aplikasi Whatsapp, Zoom, Google Meet, Webex, FB Live atau mana-mana aplikasi yang mana para pelajar dapat berinteraksi dengan pengurusan IM, penganjur program/aktiviti, KPP, Resource Person, Pensyarah atau Kakitangan IM untuk mendapatkan maklumat tepat ataupun sekiranya mereka mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan program/aktiviti atau bidang pengajian.

3. Impak Reputasi

Menjalinkan hubungan yang baik antara pihak masyarakat, ALUMNI dan industri dengan saling berhubung menggunakan platform online atau bekerjasama di dalam aktiviti yang tidak melibatkan perkumpulan pelajar yang ramai di satu tempat. Sesi interaksi, pertukaran atau perkongsian idea boleh dilaksanakan dengan menganjurkan Webinar secara Live atau apa sahaja platform yang mudah untuk diakses oleh para pelajar dan kakitangan IM.

4. Impak Objektif

Mencari alternatif bagi medium komunikasi untuk para pelajar yang tiada akses kepada Internet, bagi memastikan semua pelajar mendapat maklumat yang tepat dan samarata (*eliminate the digital gap*) serta membuat perubahan kepada tugasan di dalam kursus atau program/aktiviti berkenaan.

SENARAI BUKTI :

1. [ANALISIS IMPAK OPERASI.pdf](#)
2. [ANALISIS KEBERGANTUNGAN PTj.pdf](#)
3. [PERANCANGAN KESINAMBUNGAN OPERASI.pdf](#)

3.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, penambahbaikan program dan aktiviti yang telah dijalankan dilihat sebagai satu keperluan penting untuk memastikan kualiti program berada ditahap yang tinggi. Pada tahun 2020, setelah program dilaksanakan, analisa maklumbalas pelanggan dari borang soal selidik akan dijalankan. Begitu juga bagi program yang dijalankan di atas talian, maklumbalas pelanggan diruang sembang juga diambil kira bagi tujuan penambahbaikan program.

Pihak BHEP UiTM juga memandang serius terhadap sebarang jenis aduan yang diutarakan dari pelajar. Terdapat pelbagai jenis bentuk aduan yang diterima antaranya kes pelajar depresi, gangguan seksual, pelajar menarik diri dari meneruskan pengajian dan serta masalah keluarga. Setiap satu aduan diteliti dan diambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu pelajar merungkai segala permasalahan.

Berhadapan dengan situasi pandemik ini juga HEP IM mengambil tindakan proaktif membantu pelajar yang terpaksa berada di asrama serta pelajar golongan B40 yang memerlukan bantuan walaupun pelajar berada di kampung masing-masing. Banyak inisiatif dan tindakan diusahakan oleh HEP IM dengan bantuan Majlis Perwakilan Pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [LAPORAN FS FPM NOV 2019.pdf](#)
2. [Pelan Tindakan dan Penambahbaikan HEP.pdf](#)
3. [Petikan Minit Mesyuarat Bil 16 2020 - Pembentangan PI HEP Lengkap 100.pdf](#)
4. [Petikan Minit Mesyuarat Bil 12 2020 - Pembentangan Kemajuan PI HEP 2020 No Lampiran.pdf](#)
5. [Lampiran 1- Minit Mesyuarat Bil 12 2020 - Pembentangan Kemajuan PI HEP 2020.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

HEP IM memainkan peranan penting untuk memberikan tumpuan kepada pembangunan pelajar. Selain daripada akademik, pelajar juga memerlukan sokongan universiti dari pelbagai aspek lain termasuk program insaniah, pembangunan jati diri serta pendedahan kepada bidang industri dan dunia luar. Aktiviti sedemikian menjadi tumpuan utama bagi dilaksanakan oleh pihak HEP FPM.

Secara dasarnya, pelajar telah beroleh ilmu dalam bentuk teori yang dipelajari di dalam kuliah bagi setiap kursus yang diambil. Melalui ilmu yang diperolehi, pihak HEP FPM mengambil inisiatif untuk memperkembangkan dari sudut yang lebih praktikal. Ini termasuk program pelajar yang melibatkan aktiviti kemasyarakatan, kolaborasi bersama pihak industri serta penglibatan pelajar diperingkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020 - Bersama Organisasi dan Masyarakat.pdf](#)
2. [Report on Internationalisation Activities 2019.pdf](#)
3. [Report on Internationalisation Activities 2020.pdf](#)
4. [Pelan Tindakan dan Penambahbaikan HEP.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Proses yang berkaitan dengan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan merupakan satu proses yang mesti dilaksanakan bagi sesebuah organisasi yang mengamalkan sistem pengurusan kualiti. Ia bertujuan bagi menyolong pengurusan membuat keputusan dan penambahbaikan berdasarkan kepada fakta dan maklumat yang tepat.

Bagi melaksanakan proses ini dengan jayanya, HEP IM menggunakan dua pendekatan sebagai asas perancangan dan juga membuat keputusan. Pendekatan pertama adalah mengukur pencapaian Performance Indicator bagi Perancangan Strategik (PI) yang telah diberikan oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti. Pengukuran Pi ini adalah dengan menggunakan data-data dari pelaksanaan aktiviti pelajar IM pada setiap semester. Pendekatan kedua pula adalah mengukur keberkesanan Program Aktiviti Pelajar mengikut Inisiatif Strategik HEP, FPM. Bagi tujuan ini, focus adalah kepada mengukur prestasi atau keberkesanan aktiviti-aktiviti pelajar yang dijalankan mengikut kepada Inisiatif Strategik HEP, FPM yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan 2020

Pemantauan kepada proses pengukuran ini dilakukan oleh TD HEP dan juga penyelaras Hep IM melalui pelaporan dari setiap aktiviti yang dijalankan.

Perbincangan kepada penambahbaikan dibincangkan dan di ambil tindakan semasa mesyuarat MeKAPP dan juga MPE.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengukuran pencapaian Performance Indicator (PI) bagi Perancangan Strategik Fakulti – HEP IM

Petunjuk Prestasi atau *Performance Indicator* (PI) ditentukan oleh Universiti dijadikan sebagai fokus kepada pengurusan dan pentadbiran HEP IM. PI bagi tahun 2019 dan 2020 adalah sedikit berbeza. Walaubagaimanapun, HEP IM tidak mempunyai sebarang masalah untuk mensasarkan kejayaan PI tersebut.

PI bagi tahun 2019 kepada HEP IM terdiri daripada dua penghasilan (*outcome*) iaitu :

(i) *Outcome 2 :*

PI1 : Bilangan penganjuran program berteraskan UCE (*University Community Engagement*)

PI4 : Indeks kepuasan graduan terhadap bimbingan kerjaya

PI5 : Bilangan program kesukarelawanan mahasiswa secara kolaborasi bersama industri.

(ii) *Outcome 5 :*

PI2 : Bilangan program kesukarelawanan mahasiswa secara kolaborasi bersama masyarakat.

PI4 : Bilangan program khidmat kepakaran mahasiswa – masyarakat yang dianjurkan setahun.

Manakala, PI HEP pada tahun 2020 adalah :

(i) PI 34 - Bilangan pelajar berkaitan dengan program SULAM

(ii) PI 35 - Bilangan komuniti yang terlibat dengan program SULAM

(iii) PI 36 - Bilangan pelajar ijazah sarjana muda yang terlibat dengan program SULAM

Secara keseluruhan, HEP IM telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan bagi tahun 2019 dan 2020. Apa yang lebih membanggakan adalah pencapaian HEP IM pada tahun 2020 jauh lebih baik daripada jumlah sasaran. Sebagai contoh, PI27 yang melibatkan jumlah pelajar yang menyertai program kolaborasi dengan pihak industri merekodkan pencapaian sebanyak 60 orang pelajar, menjangkau sasaran awal iaitu 25 orang pelajar sahaja. Begitu juga dengan PI31 yang melibatkan bilangan pelajar ijazah sarjana muda sepenuh masa yang menyertai program keusahawanan telah mensasarkan 1,200 orang sahaja, namun HEP IM telah mencapai 1,279 orang pelajar. PI36 berkaitan dengan bilangan pelajar ijazah sarjana muda yang terlibat dengan program SULAM juga merekodkan pencapaian yang sangat baik iaitu 150 orang pelajar berbanding dengan sasaran 120 orang pelajar sahaja. Ini adalah pencapaian yang agak luar biasa memandangkan pada tahun 2020 ini, pelaksanaan program dan aktiviti pelajar adalah sangat terhad dan mencabar akibat penularan pandemik COVID-19.

Bukti: Data Pencapaian Strategik HEP 2018-2020

Secara keseluruhan, sebanyak 98 aktiviti pelajar telah mendapat kelulusan dan telah

diaksanakan pada tahun 2019. Manakala, bagi tahun 2020 hanya 37 aktiviti sahaja yang telah mendapat kelulusan dan dapat dijalankan akibat daripada penularan pandemik COVID-19. Dimana pada tahun 2020, hanya 7 aktiviti sahaja yang dapat dilaksanakan secara fizikal, manakala, baki 30 aktiviti telah berlangsung melalui atas talian. Penurunan aktiviti Persatuan Dalamani ini agak ketara di antara tempoh Mac hingga Mei 2020 berpunca daripada kekangan semasa penularan pandemik. Disebabkan akur dengan ketetapan PKP oleh Kerajaan Malaysia, hanya kursus SULAM sahaja yang diberikan sepenuh perhatian oleh *Resource Person* bagi kursus berkenaan dan Ketua Pusat Pengajian. Tetapi bermula pada Oktober 2020, aktiviti pelajar kembali rancak dan aktif. Pecahan bagi kelulusan program/aktiviti pelajar bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Kategori

Tahun 2019

Tahun 2020

Bilangan kelulusan aktiviti bersama komuniti dan masyarakat

26 (26.5%)

17 (45.9%)

Bilangan kelulusan aktiviti bersama industri

7 (7.1%)

1 (2.7%)

Bilangan kelulusan aktiviti peringkat antarabangsa

9 (9.2%)

1 (2.7%)

Bilangan kelulusan aktiviti peringkat Fakulti dan Universiti

56 (57.1%)

18 (48.6%)

Jumlah kelulusan

98 (100%)

37 (100%)

Bukti: Aktiviti Pelajar FPM 2019 dan 2020

HEP IM sentiasa bersedia dengan setiap kemungkinan perubahan PI yang disasarkan oleh pihak Universiti kepada setiap fakulti. Untuk itu, HEP IM menyediakan inisiatif yang memudahkan pengurusan dan pentadbiran aktiviti/program Persatuan Dalamani atau SULAM. Inisiatif ini telah bermula pada bulan November 2019 dan sentiasa dikemaskini mengikut PI yang ditentukan.

Pengukuran Pencapaian Keberkesanan Program Aktiviti Pelajar mengikut Inisiatif Strategik HEP, FPM

Bagi tujuan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan, PER IMI juga fokus kepada mengukur prestasi atau keberkesanan aktiviti-aktiviti pelajar yang dijalankan mengikut kepada Inisiatif Strategik HEP, FPM yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan 2020 seperti berikut:

(i) IM CARE

IM CARE melibatkan Program SULAM yang mewakili kepada 3 kursus yang telah didaftarkan, iaitu:

1. IMR604 – *Oral Documentation* (diletakkan di bawah Persatuan iREC)
2. IMA608 – *Marketing Information Services* (diletakkan di bawah Persatuan RECMA)
3. IML606 – *Children Librarianship* (diletakkan di bawah Persatuan GenLIS)

Sasaran program SULAM ini adalah kepada masyarakat, industri dan alumni. Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan di Perpustakaan Negara/Negeri/Daerah/Desa, Perpustakaan Khusus (Sektor Swasta/Korporat) dan Perpustakaan Sekolah. Pelajar yang menyertai program SULAM tersebut secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan kemahiran komunikasi, membuat keputusan, menyusun, mentadbir dan menguruskan aktiviti/program serta menyantuni masyarakat, alumni dan industri serta dapat meningkatkan kredibiliti dan mempromosikan setiap program akademik Fakulti Pengurusan Maklumat. Pelajar juga dapat berkongsi pengetahuan, kemahiran dan idea berkaitan bidang bersama pihak masyarakat, alumni dan pihak industri. Tetapi, sejak penularan pandemik COVID-19, aktiviti/program secara fizikal berskala besar tidak dibenarkan. Sebagai alternatif program SULAM telah dilaksanakan secara atas talian bermula Mei 2020.

Bagi mengukur pencapaian program SULAM bagi tahun 2019-2020, instrumen **kaji selidik sebelum (*entrance survey*) dan selepas (*exit survey*) program** telah digunakan. Item atau soalan kaji selidik adalah berbeza mengikut tujuan dan keperluan program. Antara item bagi kaji selidik tersebut adalah:

(i) Program '*Cloud Gaming Platform*' telah berlangsung pada 23 November 2019 bertempat di Dewan Seminar Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan E-sukan (*e-sport*). Selain sesi ceramah, peserta juga berpeluang untuk menyertai pelbagai aktiviti dan permainan seperti meneka permainan, teka silang kata, permainan atas talian dan banyak lagi.

Bagi mendapatkan maklumbalas daripada golongan sasaran terhadap penganjuran program ini, kaji selidik sebelum (*entrance survey*) dan selepas (*exit survey*) program telah diedarkan melalui atas talian (*Google Form*). Antara item kaji selidik sebelum program (*entrance survey*) adalah (i) pengetahuan berkenaan kewujudan program, (ii) keberkesanan promosi program, (iii) lokasi program dan (iv) perkongsian maklumat. Manakala, bagi item kaji selidik selepas program (*exit survey*) adalah (i) tahap kepuasan peserta, (ii) pengesyoran program, (iii) pengurusan program, (iv) peningkatan ilmu pengetahuan, dan (v) pengaturcaraan ceramah dan hiburan.

Bukti: IMA608 CLOUD GAMING PLATFORM SULAM

(ii) Program '*Creative Corner of Archival Repository Exhibition VIII (C-Care VIII)*' telah dilaksanakan pada 20 November 2019 bertempat di Dewan Seminar Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana. Tujuan program ini adalah untuk pertunjukan hasil rekabentuk bangunan arkib oleh pelajar pengurusan rekod. Program ini dilaksanakan bagi membuka peluang kepada para pelajar untuk meningkatkan tahap kefahaman terhadap bidang arkib.

Untuk mendapatkan maklumbalas daripada peserta program, kaji selidik sebelum (*entrance survey*) dan selepas (*exit survey*) program juga telah diedarkan kepada para peserta. Item kaji selidik sebelum program (*entrance survey*) adalah (i) pengetahuan berkenaan tujuan program, (ii) tahap keyakinan terhadap rekabentuk yang telah dibuat, dan (iii) kefahaman berkenaan kursus IMR505 - *Planning and Design of Records and Archival Repositories* dan IMR455 – *Administration of Archive*. Manakala, kaji selidik selepas program (*exit survey*) merangkumi lapan (8) soalan. Selain tiga (3) soalan yang sama seperti dalam kaji selidik sebelum program (*entrance survey*), penambahan lima (5) soalan berkisar kepada (i) Impak terhadap peserta, (ii) tujuan program, (iii) lokasi program, (iv) kesesuaian dan tarikan program, dan (v) kualiti penyediaan makanan kepada para peserta.

(ii) IM FUTURE

Mensasarkan kepada program kerjaya bersifat kerjasama bersama industri dan alumni seperti program bual bicara bersama alumni IM yang berjaya, pameran berkaitan kerjaya berkaitan bidang sains maklumat, kursus atau latihan berkaitan kerjaya. Sebagai contoh, MAGIM StEPS merupakan program orientasi mahasiswa/wi baharu di Fakulti Pengurusan Maklumat yang juga melibatkan semua persatuan dalaman IM. Memandangkan persatuan dalaman IM adalah berasaskan kepada setiap Pusat Pengajian, adalah mudah untuk mereka bekerjasama untuk melicinkan perjalanan program.

Pengukuran pencapaian bagi program MAGIM StEPS adalah menggunakan instrumen **kaji selidik sebelum (*entrance survey*) dan selepas (*exit survey*) program**. Antara item bagi kaji selidik tersebut adalah:

(i) Program '*Meet and Greet Information Management Sesi September 2019*' (MaGIM FANTASY) ini telah berlangsung pada 3 hingga 5 September 2019 bertempat di Dewan Seminar Fakulti Pengurusan Maklumat dan sekitar kawasan UiTM Kampus Puncak Perdana. Program ini terdiri daripada pengenalan fakulti, slot pengenalan persatuan daripada wakil persatuan-persatuan dalaman IM untuk membuka peluang kepada pelajar baharu untuk menyertainya, serta beberapa slot taklimat dan ceramah daripada Ketua Program Pengajian, pensyarah bertauliah dari UiTM Shah Alam, wakil PTAR dan lain-lain.

Kaji selidik telah diedarkan kepada para pelajar untuk menilai tahap kepuasan terhadap program. Kaji selidik ini berdasarkan kepada tiga (3) perkara iaitu: (i) pengisian program, (ii) lokasi program, and (iii) tahap kepuasan bagi keseluruhan program.

Bukti: LAPORAN MAGIM FANTASY 2019

(ii) Program '*Meet and Greet Information Management*' (MAGIM StEPS) telah berlangsung pada 24 Februari hingga 1 Mac 2020 bertempat di Dewan Seminar Fakulti Pengurusan Maklumat dan sekitar UiTM Puncak Perdana. Program ini telah dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) dengan tujuan untuk memperkenalkan dan memberi pendedahan dengan lebih mendalam mengenai Fakulti Pengurusan Maklumat kepada mahasiswa baharu program ijazah sarjana muda yang terdiri daripada lepasan diploma, STPM, asasi dan matrikulasi.

Pengukuran dan penilaian bagi program ini dilaksanakan melalui **kaji selidik sebelum (entrance survey) dan selepas (exit survey) program**. Terdapat empat (4) soalan utama yang perlu dijawab oleh pelajar, iaitu: (i) pengenalan mengenai program-program di Fakulti Pengurusan Maklumat, (ii) tujuan program ini diadakan, (iii) pengetahuan mengenai hal ehwal akademik, dan (iv) pengetahuan berkenaan Fakulti Pengurusan Maklumat.

(iii) IM BOOT CAMP

Program *Finishing School* ini dilaksanakan pada setiap pertengahan semester yang mensasarkan pelajar semester lima bagi program IM244, IM245, IM246 dan IM247 dan pelajar semester empat bagi program IM249. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti bual bicara bersama alumni dan pihak industri, teknik menghadiri temuduga kerjaya, teknik menyediakan CV yang berkesan dan hal yang berkaitan dengan permohonan pekerjaan. Pendedahan mengenai kerjaya dan persediaan sebelum menghadiri temuduga amat penting sebagai persiapan para pelajar sebelum menempuh alam pekerjaan.

Soalan kaji selidik telah diedarkan secara atas talian kepada semua pelajar yang menyertai Program *Finishing School*. Soalan-soalan yang diajukan kepada para peserta adalah untuk mengukur tahap kefahaman dan kemahiran yang diperolehi sebelum dan selepas program ini diadakan. Kaji selidik ini merangkumi lapan (8) soalan, iaitu: (i) kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, (ii) kemahiran berfikir secara kritis, (iii) kemahiran menyelesaikan masalah, (iv) kemahiran untuk bekerjasama dalam satu pasukan, (v) kebolehan mencari maklumat daripada pelbagai sumber, (vi) pengisian program, (vii) lokasi program, dan juga (viii) tahap kepuasan terhadap jamuan sepanjang program berlangsung.

Bukti: LAPORAN Finishing School FPM NOV 2019

SENARAI BUKTI:

1. [Data Pencapaian Strategik HEP 2018 - 2020.pdf](#)
2. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020.pdf](#)
3. [IMA608 CLOUD GAMING PLATFORM SULAM.pdf](#)
4. [LAPORAN MAGIM FANTASY 2019.pdf](#)
5. [LAPORAN Finishing School FPM NOV 2019.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Tujuan pengukuran dilakukan adalah untuk menilai pencapaian dari segi kuantiti dan juga kualiti penghasilan aktiviti dan program pelajar di Fakulti Pengurusan Maklumat. Penerangan lengkap tujuan pengukuran adalah seperti berikut:

(i) Pengukuran Kuantiti: Mengukur pencapaian Petunjuk Prestasi atau *Performance Indicator* (PI) selari dengan perancangan strategik Fakulti.

(a) Tujuan pengukuran

Petunjuk Prestasi atau *Performance Indicator* (PI) ditentukan oleh Universiti dijadikan sebagai fokus kepada pengurusan dan pentadbiran HEP IM. PI bagi tahun 2019 dan 2020 adalah sedikit berbeza. Walaubagaimanapun, HEP IM tidak mempunyai sebarang masalah untuk menasaskan kejayaan PI tersebut. HEP IM melaksanakan tugas mengurus pembangunan pelajar dengan berlandaskan kepada perancangan yang sistematik. Perancangan HEP IM sangat berkaitan rapat dengan misi, visi dan perancangan Strategik UiTM 2020-2025. Pihak BTU telah menyediakan semua Petunjuk Prestasi (PI) yang terancang dan tersusun, maka FPM harus berusaha menyumbang kepada pencapaian PI yang terbaik. Secara umumnya HEP IM telah melaksanakan tugas merancang dan melaksanakan semua aktiviti yang berkaitan dengan pelajar akan menyumbang kepada pencapaian cemerlang Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan.

(b) Data dan method

Bagi mengukur pencapaian Petunjuk Prestasi adalah penghasilan aktiviti / program pelajar yang telah disasarkan oleh pihak Fakulti. Sebanyak 98 aktiviti pelajar telah mendapat kelulusan dan telah dilaksanakan pada tahun 2019. Manakala, bagi tahun 2020 hanya 37 aktiviti sahaja yang telah mendapat kelulusan dan dapat dijalankan akibat daripada penularan pandemik COVID-19. Dimana pada tahun 2020, hanya 7 aktiviti sahaja yang dapat dilaksanakan secara fizikal, manakala, baki 30 aktiviti telah berlangsung melalui atas talian. Penurunan aktiviti Persatuan Dalamani ini agak ketara di antara tempoh Mac hingga Mei 2020 berpunca daripada kekangan ketika penularan pandemik. Disebabkan akur dengan ketetapan PKP oleh Kerajaan Malaysia, hanya kursus SULAM sahaja yang diberikan sepenuh perhatian oleh *Resource Person* bagi kursus berkenaan dan Ketua Pusat Pengajian. Tetapi bermula pada Oktober 2020, aktiviti pelajar kembali rancak dan aktif. Pecahan bagi kelulusan program/aktiviti pelajar bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Kategori

Tahun 2019

Tahun 2020

Bilangan kelulusan aktiviti bersama komuniti dan masyarakat

26 (26.5%)

17 (45.9%)

Bilangan kelulusan aktiviti bersama industri

7 (7.1%)

1 (2.7%)

Bilangan kelulusan aktiviti peringkat antarabangsa

9 (9.2%)

1 (2.7%)

Bilangan kelulusan aktiviti peringkat Fakulti dan Universiti

56 (57.1%)

18 (48.6%)

Jumlah kelulusan

98 (100%)

37 (100%)

(c) *Impak kepada Fakulti*

Penghasilan laporan dan statistik daripada aktiviti / program pelajar yang telah dirancang dan dilaksanakan boleh digunakan sebagai kayu pengukur dan tanda aras kepada pencapaian dan prestasi Fakulti.

Bukti: INISIATIF STRATEGIK HEP (AKTIVITI) 2019 -2021

Bukti: Aktiviti Pelajar FPM 2019 dan 2020

(ii) **Pengukuran Kualiti: Mengukur keberkesanan aktiviti / program pelajar yang telah dirancang dan dilaksana.**

(a) *Tujuan pengukuran*

Bagi tujuan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan, HEP IM juga fokus kepada keberkesanan aktiviti / program pelajar yang dijalankan mengikut kepada Inisiatif Strategik HEP, FPM yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 dan 2020. Antara aktiviti yang diadakan adalah (i) IM CARE melibatkan Program SULAM yang menasaskan golongan masyarakat, industri dan alumni. Pelajar juga dapat berkongsi pengetahuan, kemahiran dan idea berkaitan bidang bersama pihak masyarakat, alumni dan pihak industri, (ii) IM FUTURE juga menasaskan kepada program kerjaya bersifat kerjasama bersama industri dan alumni seperti program bual bicara bersama alumni IM yang berjaya, pameran berkaitan kerjaya berkaitan bidang sains maklumat, kursus atau latihan berkaitan kerjaya. Sebagai contoh, MAGIM StEPS merupakan program orientasi mahasiswa/wi baharu di Fakulti Pengurusan Maklumat yang juga melibatkan semua persatuan dalaman IM, dan (iii) IM BOOT CAMP dilaksanakan pada setiap pertengahan semester yang menasaskan pelajar semester lima bagi program IM244, IM245, IM246 dan IM247 dan pelajar semester empat bagi program IM249. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti bual bicara bersama alumni dan pihak industri, teknik menghadiri temuduga kerjaya, teknik menyediakan CV yang berkesan dan hal yang berkaitan dengan permohonan pekerjaan. Pendedahan mengenai kerjaya dan persediaan sebelum menghadiri temuduga amat penting sebagai persiapan para pelajar sebelum menempuh alam pekerjaan. Inisiatif HEP IM ini adalah bertujuan untuk melatih pelajar dalam mempertingkatkan kemahiran komunikasi, membuat keputusan, menyusun, mentadbir dan menguruskan aktiviti/program serta menyantuni masyarakat, alumni dan industri serta dapat meningkatkan kredibiliti dan mempromosikan setiap program akademik Fakulti Pengurusan

Maklumat.

(b) Data dan method

Bagi mengukur keberkesanan aktiviti / program pelajar bagi tahun 2019-2020, instrumen kaji selidik sebelum (*entrance survey*) dan selepas (*exit survey*) program telah digunakan. Beberapa soalan telah disediakan untuk mendapatkan maklumbalas daripada pelajar / peserta terhadap penganjuran dan keberkesanan program ini. Item atau soalan kaji selidik adalah berbeza mengikut tujuan dan keperluan program. Sebagai contoh untuk Program '*Cloud Gaming Platform*', soalan yang perlu dijawab oleh peserta berkisar kepada: (i) pengetahuan berkenaan kewujudan program, (ii) keberkesanan promosi program, (iii) lokasi program dan (iv) perkongsian maklumat, (v) tahap kepuasan peserta, (vi) pengesyoran program, (vii) pengurusan program, (viii) peningkatan ilmu pengetahuan, dan (viii) pengaturcaraan ceramah dan hiburan.

Bagi program Program '*Meet and Greet Information Management Sesi September 2019*' (MaGIM FANTASY), terdapat empat (4) soalan utama yang perlu dijawab oleh pelajar, iaitu: (i) pengenalan mengenai program-program di Fakulti Pengurusan Maklumat, (ii) tujuan program ini diadakan, (iii) pengetahuan mengenai hal ehwal akademik, dan (iv) pengetahuan berkenaan Fakulti Pengurusan Maklumat.

Bukti: LAPORAN MAGIM StEPS (BM) 2020.docx

Manakala bagi Program *Finishing School*, soalan-soalan yang diajukan kepada para peserta adalah untuk mengukur tahap kefahaman dan kemahiran yang diperolehi sebelum dan selepas program ini diadakan. Kaji selidik ini merangkumi lapan (8) soalan, iaitu: (i) kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, (ii) kemahiran berfikir secara kritis, (iii) kemahiran menyelesaikan masalah, (iv) kemahiran untuk bekerjasama dalam satu pasukan, (v) kebolehan mencari maklumat daripada pelbagai sumber, (vi) pengisian program, (vii) lokasi program, dan juga (viii) tahap kepuasan terhadap jamuan sepanjang program berlangsung.

Bukti: LAPORAN Finishing School FPM NOV 2019

(c) Impak kepada Pelajar

Maklumat daripada hasil penilaian kaji selidik dan maklumbalas peserta aktiviti / program yang telah dianjurkan boleh digunakan sebagai mekanisma pemantauan dan penambahbaikan keberkesanan sesuatu program pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI :

1. [INISIATIF STRATEGIK HEP \(AKTIVITI\) 2019 -2021.pdf](#)
2. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020.pdf](#)
3. [LAPORAN MAGIM StEPS 2020.docx.pdf](#)
4. [LAPORAN Finishing School FPM NOV 2019.pdf](#)
5. [Infographic Gambarajah Peluasan 4.3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Semasa pandemik bermula Mac 2020, pemantauan bagi setiap aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Tambahan, aktiviti Persatuan Dalamannya seolah-olah terhenti pada Mac 2020-Mei 2020 atas faktor keliru dengan situasi pandemik. Disebabkan akur dengan ketetapan PKP oleh Kerajaan Malaysia, hanya kursus SULAM sahaja yang diberikan sepenuh perhatian oleh *Resource Person* bagi kursus berkenaan serta Ketua Pusat Pengajian. Tetapi pada Oktober 2020, aktiviti pelajar kembali rancak dianjurkan oleh pihak Persatuan Dalamannya. Ketika ini, seolah-olah muncul perang e-poster di kalangan Persatuan Dalamannya yang dilengkapi dengan platform siaran. Kebanyakannya memilih untuk membuat siaran secara langsung daripada media sosial persatuan masing-masing. Ketika inilah, pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan teratur. Aspek pemantauan dapat dilakukan oleh penasihat program melalui laporan yang dihasilkan diakhir aktiviti pelajar ini. Maka setelah selesai setiap program atau aktiviti yang dijalankan, setiap Pengarah atau Ketua Projek diberikan tempoh dua (2) minggu untuk menghantar laporan aktiviti yang mengandungi; (a) Laporan keseluruhan program, (b) Kos yang digunakan, (c) Masalah yang dihadapi, (d) Senarai kedatangan pelajar, (e) Gambar dan video (sebelum pandemik) atau gambar (paparan Google Meet/Webex/Zoom/FB Live) sebagai bukti berlangsungnya program dan penilaian **kaji selidik sebelum (entrance survey) dan selepas (exit survey) program**. Hasil penilaian kaji selidik ini memberikan maklumat yang boleh digunakan sebagai mekanisme pemantauan dan penambahbaikan.

Disertakan contoh penilaian kaji selidik sebelum (entrance survey) dan selepas (exit survey) program yang memberikan maklumat yang boleh digunakan sebagai mekanisme pemantauan dan penambahbaikan.

Bagi mengukur pencapaian program SULAM bagi tahun 2019-2020, instrumen **kaji selidik sebelum (entrance survey) dan selepas (exit survey) program** telah digunakan. Item atau soalan kaji selidik adalah berbeza mengikut tujuan dan keperluan program. Contoh item dari aktiviti yang telah dijalankan:

(i) Program '*Cloud Gaming Platform*' telah berlangsung pada 23 November 2019 bertempat di Dewan Seminar Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan E-sukan (*e-sport*). Selain sesi ceramah, peserta juga berpeluang untuk menyertai pelbagai aktiviti dan permainan seperti meneka permainan, teka silang kata, permainan atas talian dan banyak lagi.

Bagi mendapatkan maklumbalas daripada golongan sasaran terhadap penganjuran program ini, kaji selidik sebelum (*entrance survey*) dan selepas (*exit survey*) program telah diedarkan melalui atas talian (*Google Form*). Antara item kaji selidik sebelum program (*entrance survey*) adalah (i) pengetahuan berkenaan kewujudan program, (ii) keberkesanan promosi program, (iii) lokasi program dan (iv) perkongsian maklumat. Manakala, bagi item kaji selidik selepas program (*exit survey*) adalah (i) tahap kepuasan peserta, (ii) pengesyoran program, (iii) pengurusan program, (iv) peningkatan ilmu pengetahuan, dan (v) pengaturcaraan ceramah dan hiburan.

Bukti: IMA608 CLOUD GAMING PLATFORM SULAM

(ii) Program '*Creative Corner of Archival Repository Exhibition VIII (C-Care VIII)*' telah dilaksanakan pada 20 November 2019 bertempat di Dewan Seminar Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Puncak Perdana. Tujuan program ini adalah untuk pertunjukan hasil rekabentuk bangunan arkib oleh pelajar pengurusan rekod. Program ini dilaksanakan bagi membuka peluang kepada para pelajar untuk meningkatkan tahap kefahaman terhadap bidang arkib.

Untuk mendapatkan maklumbalas daripada peserta program, kaji selidik sebelum (*entrance survey*) dan selepas (*exit survey*) program juga telah diedarkan kepada para peserta. Item kaji selidik sebelum program (*entrance survey*) adalah (i) pengetahuan berkenaan tujuan program, (ii) tahap keyakinan terhadap rekabentuk yang telah dibuat, dan (iii) kefahaman berkenaan kursus IMR505 - *Planning and Design of Records and Archival Repositories* dan IMR455 – *Administration of Archive*. Manakala, kaji selidik selepas program (*exit survey*) merangkumi lapan (8) soalan. Selain tiga (3) soalan yang sama seperti dalam kaji selidik sebelum program (*entrance survey*), penambahan lima (5) soalan berkisar kepada (i) impak terhadap peserta, (ii) tujuan program, (iii) lokasi program, (iv) kesesuaian dan tarikan program, dan (v) kualiti penyediaan makanan kepada para peserta.

Bukti: IMR455 REPORT C-CARE VIII.docx

SENARAI BUKTI:

1. [IMA608 CLOUD GAMING PLATFORM SULAM.pdf](#)
2. [IMR455 REPORT C-CARE VIII.docx.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Strategi risiko terbahagi kepada empat kategori, iaitu: (i) Impak Manusia, (ii) Impak Operasi, (iii) Impak Reputasi, dan (iv) Impak Objektif.

(i) Impak Manusia

a) Jika dibenarkan secara fizikal (F2F), para pelajar yang menyertai program/aktiviti akan dipecahkan ke skala yang lebih kecil; yang dibenarkan mengikut kepada SOP MKN, KPT dan UiTM dan mereka boleh merujuk terus dengan *Resource Person*/Pensyarah, KPP atau Penasihat Program berkenaan.

b) Jika secara online, para pelajar boleh mendaftarkan diri di media sosial ataupun platform atas talian yang diuruskan oleh pihak penganjur program/aktiviti untuk mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa atau untuk menyertai program/aktiviti tersebut.

(ii) Impak Operasi – Komunikasi bersama para pelajar dilakukan secara maya melalui aplikasi Whatsapp, Zoom, Google Meet, Webex, FB Live atau mana-mana aplikasi yang mana para pelajar dapat berinteraksi dengan pengurusan IM, penganjur program/aktiviti, Ketua Pusat Pengajian, *Resource Person*, Pensyarah atau Kakitangan IM untuk mendapatkan maklumat tepat ataupun sekiranya mereka mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan program/aktiviti atau bidang pengajian.

(iii) Impak Reputasi – Menjalinkan hubungan yang baik antara pihak masyarakat, alumni dan industri dengan saling berhubung menggunakan platform online atau bekerjasama di dalam aktiviti yang tidak melibatkan perkumpulan pelajar yang ramai di satu tempat. Sesi interaksi, pertukaran atau perkongsian idea boleh dilaksanakan dengan menganjurkan webinar secara atas talian atau apa sahaja platform yang mudah untuk diakses oleh para pelajar dan kakitangan IM.

(iv) Impak Objektif – Mencari alternatif bagi medium komunikasi untuk para pelajar yang tiada akses kepada Internet, bagi memastikan semua pelajar mendapat maklumat yang tepat dan samarata (*eliminate the digital gap*) serta membuat perubahan kepada tugasan di dalam kursus atau program/aktiviti berkenaan.

Bukti: Analisis Kebergantungan FPM, Analisis Impak FPM, Perancangan Kesyinambungan Operasi FPM

SENARAI BUKTI :

1. [Analisis Kebergantungan FPM.pdf](#)
2. [Analisis Impak FPM.pdf](#)
3. [Perancangan Kesyinambungan Operasi FPM.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

HEP IM sentiasa bersedia dengan setiap kemungkinan perubahan Petunjuk Prestasi (PI) yang disasarkan oleh pihak Universiti kepada setiap fakulti.

Pada peringkat awal tahun 2019, berlaku sedikit keraguan mengenai PI-PI yang telah ditentukan kepada HEP IM. Pertukaran TDHEP sedikit sebanyak telah mengubah lanskap pengurusan aktiviti pelajar yang disasarkan terus kepada PI HEP. Peranan TDHEP dan Penyelaras Perancangan Strategik banyak membantu di dalam kejayaan HEP IM untuk mencapai PI 100% pada tahun 2020 walaupun tahun berkenaan masih berbaki 5 bulan.

Perbincangan demi perbincangan di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif yang dianggotai oleh Dekan IM, Timbalan-Timbalan Dekan IM, Penyelaras Perancangan Strategik, Ketua Unit Kualiti IM dan Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran) telah memberikan idea kepada HEP IM untuk memperkenalkan beberapa inisiatif yang bertujuan untuk mencapai PI dengan lebih mudah, dinamik, efisien dan efektif.

SENARAI BUKTI :

1. [Petikan Minit Mesyuarat Bil 16 2020 - Pembentangan PI HEP Lengkap 100.pdf](#)
2. [Petikan Minit Mesyuarat Bil 12 2020 - Pembentangan Kemajuan PI HEP 2020 No Lampiran.pdf](#)
3. [Lampian 1- Minit Mesyuarat Bil 12 2020 - Pembentangan Kemajuan PI HEP 2020.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

HEP IM melaksanakan tugas mengurus pembangunan pelajar dengan berlandaskan kepada perancangan yang sistematik. Perancangan HEP IM sangat berkaitan rapat dengan misi, visi dan perancangan Strategik UiTM 2020-2025. Pihak BTU telah menyediakan semua Petunjuk Prestasi (PI) yang terancang dan tersusun, maka FPM harus berusaha menyumbang kepada pencapaian PI yang terbaik. Secara umumnya HEP IM telah melaksanakan tugas merancang dan melaksanakan semua aktiviti yang berkaitan dengan pelajar akan menyumbang kepada pencapaian cemerlang Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan.

Bagi untuk memastikan semua aktiviti pelajar yang dirancang boleh membantu FPM mencapai PI yang telah ditetapkan maka HEP IM telah menambahbaik kecekapan mengurus aktiviti pelajar dengan mewujudkan mekanisme pelaksanaan Mesyuarat Kewangan Aktiviti dan Pembangunan Pelajar atau MeKAPP sebagai satu-satunya mesyuarat yang membincangkan secara keseluruhan aktiviti yang melibatkan aktiviti pelajar seperti kelulusan aktiviti dan juga permohonan kewangan oleh Persatuan Dalaman atau Pusat Pengajian bagi menjalankan sesuatu aktiviti. MeKAPP merupakan mekanisme yang sangat unik dan memainkan peranan besar dalam merancang, mengawal, memantau dan menambahbaik semua aktiviti yang melibatkan pelajar.

Hasil daripada analisa yang telah dibuat dan dilaporkan melalui laporan aktiviti akan diambil kira dan digunakan oleh Jawatankuasa Mesyuarat Kewangan Aktiviti dan Pembangunan Pelajar atau MeKAPP untuk membincangkan dan meluluskan permohonan program dan juga peruntukan kewangan bagi Persatuan Dalaman atau Pusat Pengajian untuk menjalankan sesuatu aktiviti. MeKAPP dipengerusikan oleh Dekan IM dan dianggotai oleh Timbalan-timbalan Dekan IM, Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran), Kakitangan Bahagian Kewangan dan Pegawai Eksekutif Hal Ehwal Pelajar selaku Setiausaha mesyuarat. Pada tahun 2019, MeKAPP IM biasanya dilaksanakan sebanyak lima kali dalam satu semester, manakala pada tahun 2020, MeKAPP IM hanya dapat dilaksanakan dua kali dalam satu semester.

SENARAI BUKTI :

1. [Minit MeKAPP FPM Bil 05 2019 dan Bil 01 2020.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

HEP IM melaksanakan tugas mengurus dan melaksanakan aktiviti pembangunan pelajar dengan mengambil kira kekuatan sumber manusia dan selari dengan perancangan Strategik UiTM secara menyeluruh. PI yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi setiap tahun merupakan indikator utama yang dijadikan sebagai asas perancangan. Perancangan dilakukan dengan penglibatan semua seluruh struktur kepimpinan HEP IM dan sumber manusia seperti MPP, Persatuan Dalaman serta pelajar. Bagi tahun 2019 – 2020, HEP IM telah merancang 10 inisiatif strategik yang dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan pelajar sarjana muda dan juga pelajar pasca. Aktiviti-aktiviti yang dirancang dibawah 10 inisiatif melibatkan industri dan pemegang taruh di dalam dan luar negara.

Semua aktiviti yang dirancang dibawah 10 inisiatif strategik ini dilaksanakan dengan Kerjasama persatuan pelajar, HEA dan juga pihak OIA. Wujudnya PI yang berkaitan dengan SULAM telah banyak membantu IM untuk memperkasakan program/aktiviti kemasyarakatan yang sebelum ini memang menjadi tradisi aktiviti pelajar IM. Setiap Pusat Pengajian mempunyai program SULAM yang tersendiri dan mempunyai sasaran yang meluas dan juga memerlukan kerjasama pihak industri dan masyarakat. Selain daripada SULAM, HEP juga bekerjasama dengan HEA IM bagi menjayakan program pertukaran pelajar antara universiti dan pihak OIA (Office of International Affairs UiTM).

Bagi memastikan program/aktiviti yang dirancang oleh para pelajar dijalankan dengan baik seperti yang telah bentangkan di dalam Pra MeKAPP (1) dan seperti yang telah diluluskan oleh MeKAPP; kakitangan HEP IM akan sentiasa memantau program/aktiviti berkenaan. Aspek pemantauan dapat dilakukan oleh penasihat program melalui laporan yang dihasilkan diakhir aktiviti pelajar ini. Maka setelah selesai setiap program atau aktiviti yang dijalankan, setiap Pengarah atau Ketua Projek diberikan tempoh dua (2) minggu untuk menghantar laporan aktiviti.

Kerjasama dan hubungan yang erat diantara sumber manusia yang terlibat dalam pengurusan dan pembangunan pelajar telah menghasilkan pelaksanaan aktiviti yang berkesan dan memberi manfaat kepada pelajar, fakulti dan masyarakat.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan Kanan melalui Naib Canselor UiTM telah melantik Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (TDHEP), yang diberi mandat untuk membangun dan memantau aktiviti-aktiviti pelajar di FPM. TDHEP dibantu oleh Penyelaras yang terbahagi kepada tiga tumpuan/fokus; (a) Penyelaras Aktiviti Pelajar, (b) Penyelaras Employability Pelajar dan (c) Penyelaras Kebajikan Pelajar, Penasihat Persatuan Dalaman, Pegawai Eksekutif Hal Ehwal Pelajar serta seorang Kerani.

Tugas dan tanggungjawab Penyelaras di dalam HEP IM adalah untuk memberi penumpuan khusus kepada hal ehwal pelajar berkaitan; (a) Aktiviti pelajar, (b) Kebolehpasaran pelajar dan (c) Kebajikan pelajar. Ketiga-tiga perkara ini amat penting di dalam HEP agar setiap keperluan pelajar IM tidak tercicir oleh pihak pengurusan fakulti. Penyelaras juga bertindak untuk mengemaskinikan data atau dapatan/ hasilan daripada tiga (3) fokus HEP IM. Seperti contoh, Penyelaras Kebajikan Pelajar dan dibantu oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IM dengan Sekretariat Mahasiswa Fakulti Pengurusan Maklumat (SMFPM) banyak memainkan peranan penting bagi membantu hal-ehwal kebajikan pelajar sepanjang pandemic melanda dengan setiap masa fokus pada masalah pelajar sama ada yang berada bersama keluarga atau berada di kolej.

Pegawai Eksekutif HEP bertanggungjawab untuk (a) menyelaras dan melaksana operasi pengurusan pentadbiran am dan secretariat, (b) menyelaras dan melaksana operasi pengurusan aktiviti dan perkhidmatan pelajar, (c) menyelaras dan melaksana operasi pengurusan kebajikan pelajar, (d) menyelaras dan melaksana operasi pengurusan tatatertib pelajar, (e) menyelaras dan melaksana operasi pengurusan plan kesarjanaan dan kecemerlangan pelajar dan (f) menyelaras dan melaksana operasi pengurusan program keusahawanan pelajar

Kerani HEP bertanggungjawab untuk (a) menyediakan hal-hal dokumen-dokumen dan surat menyurat HEP, (b) menyediakan sistem rekod fail HEP, (c) menyediakan aktiviti merekod dan menyimpan rekod dokumen penting HEP, (d) penyediaan surat menyurat lantikan Jawatankuasa Fakulti berkaitan HEP dan (e) Penyediaan pelaporan tahunan Fakulti berkaitan HEP

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berfungsi sebagai penghubung antara pelajar dan pihak pengurusan dan pentadbiran fakulti. Di samping itu, MPP juga; (a) menyuarakan sebarang aduan dan pendapat daripada pelajar ke fakulti agar sebarang tindakan dapat diambil, (b) membantu pihak pengurusan dalam mengenalpasti keperluan dan kebajikan pelajar, (c) merupakan platform untuk universiti dan fakulti mendapatkan maklumat atau menyampaikan maklumat daripada para pelajar kepada fakulti dan pengurusan university, (d) bertanggungjawab untuk menjadi wakil UiTM di peringkat antarabangsa sebagai duta UiTM, (e) membantu Fakulti dari segi pelajar atau akademik dan (f) membantu Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) bagi menyelesaikan masalah pelajar di fakulti atau membantu dari segi bantuan kebajikan pelajar. ?

HEP IM juga mempunyai Penasihat-penasihat Persatuan daripada lapan (8) Persatuan Dalaman yang memainkan peranan tersendiri seperti :

a) SMFPM bertindak dan berfungsi untuk melaksanakan program berbentuk ilmiah/akademik sama ada di peringkat Fakulti atau Universiti dan sasaran berskala besar (melibatkan keseluruhan pelajar IM); selain daripada membantu MPP untuk melaksanakan tugas membantu kebajikan pelajar daripada pelbagai segi dan menguruskan program di peringkat Universiti.

b) Persatuan IMSA bertindak dan berfungsi untuk melaksanakan program yang lebih santai/rekreasi dan sasaran berskala besar.

c) Persatuan GenLIS, AiMS, iREC, RECMA, iCONS dan IMPS bertindak dan berfungsi untuk melaksanakan program berbentuk ilmiah/akademik yang membantu kepada Pusat Pengajian masing-masing. Sasaran pelajar adalah khusus kepada Pusat Pengajian berkenaan.

Bagi melicinkan pentadbiran dan pengurusan aktiviti pelajar, mesyuarat bersama Presiden Persatuan Dalaman akan diadakan pada setiap awal semester dan akhir semester (Oktober 2019 – awal semester dan Februari 2020 – akhir semester, Mac 2020 – awal semester dan Ogos 2020 – akhir semester; Oktober 2020 – awal semester dan Februari 2021 – akhir semester). Selain daripada itu, satu kursus Retreat HEP dan Kepimpinan juga dilaksanakan pada setiap awal semester bagi memantapkan pengurusan dan pentadbiran setiap Persatuan Dalaman IM. Kursus Retreat dan Kepimpinan juga disertai oleh semua Jawatankuasa Persatuan Dalaman, Penyelaras HEP dan Penasihat Persatuan Dalaman IM.

Setiap mesyuarat dan kursus yang dijalankan akan diterangkan mengenai sasaran utama kepada aktiviti pelajar. Sebagai contoh, TDHEP akan menyusun sasaran PI dan membentangkan sasaran tersebut kepada Presiden dan Jawatankuasa Persatuan Dalaman. TDHEP juga akan memberikan contoh program yang boleh dilaksanakan bagi mencapai PI tersebut.

Terdapat juga beberapa aktiviti atau program yang berskala besar dicadangkan untuk dianjurkan secara bersama antara Persatuan Dalaman seperti program MAGIM StEPS yang memerlukan penglibatan semua Persatuan Dalaman IM. MAGIM StEPS merupakan program orientasi mahasiswa/wi baharu di Fakulti Pengurusan Maklumat. Memandangkan Persatuan Dalaman IM adalah berasaskan kepada setiap Pusat Pengajian, adalah mudah untuk mereka bekerjasama untuk melicinkan perjalanan program.

SENARAI BUKTI:

1. [Carta Organisasi dan Fungsi HEP FPM 2019.pdf](#)
2. [Lantikan Penyelaras Hep 2020.pdf](#)
3. [5.2 Senarai nama SMF OKTOBER 2020.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) terdiri daripada dua (2) orang pelajar yang telah bertanding di dalam Pilihanraya Kampus Jawatankuasa Perwakilan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM. Pelajar yang bertanding di dalam pilihanraya tersebut adalah terdiri daripada pelajar yang menunjukkan komitmen, minat dan berdaya saing. Timbalan Naib Canselor HEP UiTM bertanggungjawab di dalam mengumumkan kemenangan wakil pelajar untuk setiap fakulti. Fakulti Pengurusan Maklumat mempunyai dua (2) orang MPP yang berkhidmat bagi tempoh setahun 2019-2020. MPP IM bertanggungjawab di dalam

Fakulti Pengurusan Maklumat mempunyai lapan (8) Persatuan Dalaman yang terdiri daripada :

- a) SMFPM bertindak dan berfungsi untuk melaksanakan program berbentuk ilmiah/akademik sama ada di peringkat Fakulti atau Universiti dan sasaran berskala besar (melibatkan keseluruhan pelajar IM); selain daripada membantu MPP untuk melaksanakan tugas membantu kebajikan pelajar daripada pelbagai segi dan menguruskan program di peringkat Universiti.
- b) Persatuan IMSA bertindak dan berfungsi untuk melaksanakan program yang lebih santai/rekreasi dan sasaran berskala besar.
- c) Persatuan GenLIS, AiMS, iREC, RECMA, iCONS dan IMPS bertindak dan berfungsi untuk melaksanakan program berbentuk ilmiah/akademik yang membantu kepada Pusat Pengajian masing-masing. Sasaran pelajar adalah khusus kepada Pusat Pengajian berkenaan.
 - i- GenLIS merupakan Persatuan Dalaman kepada Pusat Pengajian Pengurusan Perpustakaan. Exco/Jawatankuasa, ahli persatuan dan aktiviti persatuan adalah menjurus kepada bidang berkaitan Pengurusan Perpustakaan selain daripada menyokong kepada aktiviti luar berkaitan akademik pengurusan Pusat Pengajian tersebut.
 - ii- AiMS merupakan Persatuan Dalaman dibawah Pusat Pengajian Informatik, yang khusus kepada Program Pengurusan Sistem Maklumat. Exco/Jawatankuasa, ahli persatuan dan aktiviti persatuan adalah menjurus kepada bidang berkaitan Pengurusan Sistem Maklumat selain daripada menyokong kepada aktiviti luar berkaitan akademik pengurusan Pusat Pengajian tersebut.
 - iii- iREC merupakan Persatuan Dalaman kepada Pusat Pengajian Pengurusan Rekod. Exco/Jawatankuasa, ahli persatuan dan aktiviti persatuan adalah menjurus kepada bidang berkaitan Pengurusan Rekod selain daripada menyokong kepada aktiviti luar berkaitan akademik pengurusan Pusat Pengajian tersebut.
 - iv- RECMA merupakan Persatuan Dalaman kepada Pusat Pengajian Pengurusan Pusat Sumber. Exco/Jawatankuasa, ahli persatuan dan aktiviti persatuan adalah menjurus kepada bidang berkaitan Pengurusan Pusat Sumber selain daripada menyokong kepada aktiviti luar berkaitan akademik pengurusan Pusat Pengajian tersebut.
 - v- iCONS merupakan Persatuan Dalaman kepada Pusat Pengajian Informatik, yang khusus kepada Program Pengurusan Kandungan Maklumat. Exco/Jawatankuasa, ahli persatuan dan aktiviti persatuan adalah menjurus kepada bidang berkaitan Pengurusan Kandungan Maklumat selain daripada menyokong kepada aktiviti luar berkaitan akademik pengurusan Pusat Pengajian tersebut.
 - vi- IMPS merupakan Persatuan Dalaman khusus kepada pelajar Pasca Siswazah Fakulti Pengurusan Maklumat. Exco/Jawatankuasa, ahli persatuan dan aktiviti persatuan adalah menjurus kepada semua bidang yang ditawarkan di dalam program pasca fakulti.

Bagi melicinkan pentadbiran dan pengurusan aktiviti pelajar, mesyuarat bersama Presiden Persatuan Dalaman akan diadakan pada setiap awal semester dan akhir semester (Oktober

2019 – awal semester dan Februari 2020 – akhir semester, Mac 2020 – awal semester dan Ogos 2020 – akhir semester; Oktober 2020 – awal semester dan Februari 2021 – akhir semester). Selain daripada itu, satu kursus Retreat HEP dan Kepimpinan juga dilaksanakan pada setiap awal semester bagi memantapkan pengurusan dan pentadbiran setiap Persatuan Dalam IM. Kursus Retreat dan Kepimpinan juga disertai oleh semua Jawatankuasa Persatuan Dalam, Penyelaras HEP dan Penasihat Persatuan Dalam IM.

MPP dan Persatuan Dalam IM banyak membantu HEP IM terutama ketika bermulanya pandemic yang tampak agak kelam kabut pada Mac 2020. Situasi tersebut adalah disebabkan oleh banyak faktor seperti hebahan maklumat yang menakutkan didalam media sosial yang mewujudkan kekalutan dikalangan pelajar dan ibubapa. Dipermulaan langkah, MPP banyak membantu di dalam mententeramkan pelajar dengan menyampaikan hebahan secara langsung daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Shah Alam. Pelbagai jenis borang telah diedarkan kepada para pelajar dengan menggunakan Google Form untuk mendapatkan beberapa maklumat penting seperti bilangan pelajar yang ingin pulang ke rumah masing-masing serta bilangan pelajar yang ingin kekal berada di kolej disebabkan oleh faktor kemiskinan (kekurangan duit untuk pulang ke kampung memandangkan baru sahaja tiba di kampus untuk memulakan pengajian pada awal Mac 2020).

Sesi pembelajaran daripada kelas secara fizikal (face-to-face) telah bertukar kepada Online Distance Learning (ODL). Pelajar tidak dibenarkan kembali ke kampus. Semester pengajian harus diteruskan. Permulaan kelas ODL tidak menampakkan banyak bantahan dan rintangan. Mungkin disebabkan oleh keterujaan semua pelajar dengan kelas secara maya (ODL) ini. Masalah muncul pada bulan kedua ODL. Ketika inilah segala jenis masalah dan rungutan pelajar telah muncul. MPP telah mengeluarkan borang (google form) untuk melihat dan mengkaji masalah pelajar atas arahan daripada HEP IM dan BHEP Shah Alam. Masalah utama pelajar IM berkaitan dengan ODL adalah (a) Pembelian data internet yang terpaksa dibuat berterusan dan agak mahal, (b) persekitaran tidak kondusif di rumah, (c) kerosakan laptop/telefon akibat daripada kelas yang terlalu padat dengan Google Meet (pagi – petang) dan malam terpaksa menggunakan laptop bagi urusan menyiapkan tugas yang diamanahkan oleh pensyarah kursus dan (d) ketiadaan rangkaian internet dikawasan kediaman.

Untuk masalah seperti pembelian data internet, HEP IM dan MPP telah berusaha untuk mendapatkan bantuan dan maklumat daripada BHEP. Hebahan mengenai beberapa rangkaian telefon yang menawarkan pakej internet yang murah, serta pembelian telefon/laptop dengan harga yang murah telah dihebahkan kepada pelajar. Inisiatif HEP untuk mengatasi masalah ini adalah dengan :

- a) Memberikan RM30.00 sebagai data internet kepada pelajar yang terlibat dalam menguruskan aktiviti persatuan.
- b) Menyediakan bekalan makanan kepada para pelajar yang menginap di rumah sewa dan yang berada di kolej akibat daripada kesukaran untuk mendapatkan makanan ketika PKP dilaksanakan (dengan mendapat dana dan bantuan daripada MPP, Persatuan Dalam serta para kakitangan IM).
- c) Mendapatkan laptop terpakai daripada ALUMNI IM untuk diberikan kepada pelajar B40 IM yang amat memerlukan laptop.

Masalah lebih meruncing pada sesi pengajian semester baharu pada Oktober 2020 dimana, kebanyakan pelajar telah mula meluahkan ketidakpuasan hati dengan ODL dan masalah yang mereka hadapi. Sesi Oktober juga menampakkan peningkatan pelajar pulang ke kampus sama ada untuk menginap di kolej kediaman atau menyewa bersama rakan di kawasan rumah berhampiran. Inisiatif awal HEP untuk mendapatkan laptop daripada ALUMNI, ternyata berhasil dengan HEP IM telah menerima tiga (3) laptop terpakai (ACER) yang diterima daripada pihak ALUMNI. MPP telah menyediakan senarai nama pelajar B40 yang amat memerlukan laptop untuk digunakan semasa PKP ini. Keutamaan calon yang berkelayakan adalah :

- a) Pelajar daripada keluarga B40 (dengan pendapatan keluarga adalah dibawah RM1500.00)
- b) Pelajar yatim piatu

Dua (2) orang pelajar didapati amat memerlukan bantuan laptop memandangkan mereka berada di semester akhir pengajian. Seorang pelajar di Kuala Terengganu telah mendapat bantuan daripada MPP UiTM Dungun, Terengganu untuk mendapatkan laptop yang telah disumbangkan oleh ADUN kawasan berkenaan. Bantuan daripada MPP UiTM pada awalnya hanyalah untuk melihat dan bertanyakan khabar pelajar berkenaan memandangkan HEP IM tidak dibenarkan untuk merentas negeri.

Pada 04 Disember 2020, dengan kebenaran daripada polis; HEP IM telah bergerak ke Terengganu untuk membantu tiga (3) orang pelajar yang didapati berada dalam kemiskinan akibat terkesan dengan PKP. Lokasi pertama HEP IM adalah di Kemaman, Terengganu untuk berjumpa seorang pelajar yang memerlukan laptop untuk menyiapkan tugas. Dan lokasi yang seterusnya adalah di Kuala Terengganu; bagi penyampaian wang saku dan bantuan makanan kepada pelajar dan keluarga.

Dan pada Disember 2020 juga, HEP IM telah memohon bantuan daripada ALUMNI untuk mendapatkan lebih banyak laptop terpakai untuk disalurkan kepada pelajar IM yang memerlukan. HEP IM juga telah mendapat maklumbalas daripada satu NGO iaitu Rizq Ar Rahman; yang bersedia membantu HEP IM untuk mendapatkan laptop terpakai untuk kegunaan pelajar B40 IM.

SENARAI BUKTI :

1. [5.3 Pelan Inisiatif Pandemic HEP.pdf](#)
2. [5.3 Senarai nama SMF OKTOBER 2020.pdf](#)
3. [Jawatankuasa GENLIS-Persatuan Dalaman.pdf](#)
4. [Acknowledgement letter UiTm laptop.pdf](#)
5. [5.3 Surat Penghargaan Kolej Jasmine.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak HEP mengambil berat terhadap keberkesanan setiap aktiviti dalam memelihara kualiti dan memperkasakan insaniah terhadap pelajar FPM. Justeru, penetapan pendekatan yang merujuk kepada aktiviti yang melibatkan pelanggan dipantau dari aspek perancangan dan juga pelaksanaan aktiiti tersebut. Pemantauan yang dilakukan bermula dengan penelitian perancangan pada setiap dokumen kertas kerja bagi aktiviti yang dicadangkan, penelitian dari aspek keperluan kewangan untuk melaksanakan aktiviti dan pelaporan akhir selepas aktiviti dilaksanakan. Perkara yang ditekankan juga adalah berkaitan dengan lantikan pegawai/pensyarah untuk memastikan aktiviti pelajar dilaksanakan dengan jayanya.

Semasa pandemic; bermula Mac 2020; pemantauan bagi setiap aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Tambahan, aktiviti Persatuan Dalaman seolah-olah terhenti pada Mac 2020-Mei 2020 atas faktor keliru dengan situasi pandemic. Disebabkan akur dengan ketetapan PKP oleh Kerajaan Malaysia, hanya kursus SULAM sahaja yang diberikan sepenuh perhatian oleh Resource Person bagi kursus berkenaan serta Ketua Pusat Pengajian. Tetapi pada Oktober 2020, aktiviti pelajar kembali rancak dianjurkan oleh pihak Persatuan Dalaman. Ketika ini, seolah-olah muncul perang e-poster di kalangan Persatuan Dalaman yang dilengkapi dengan platform siaran. Kebanyakannya memilih untuk membuat siaran secara langsung daripada media sosial persatuan masing-masing. Ketika inilah, pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan teratur. Aspek pemantauan dapat dilakukan oleh penasihat program melalui laporan yang dihasilkan diakhir aktiviti pelajar ini. Maka setelah selesai setiap program atau aktiviti yang dijalankan, setiap Pengarah atau Ketua Projek diberikan tempoh dua (2) minggu untuk menghantar laporan aktiviti yang mengandungi; (a) Laporan keseluruhan program, (b) Kos yang digunakan, (c) Masalah yang dihadapi, (d) Senarai kedatangan pelajar, (e) Gambar dan video (sebelum pandemic) atau gambar (paparan Google Meet/Webex/Zoom/FB Live) sebagai bukti berlangsungnya program dan Penilaian EES. Hasil penilaian EES juga memberikan maklumat yang boleh digunakan sebagai mekanisma pemantauan dan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI:

1. [POSTER AKTIVITI PELAJAR \(AKADEMIK\).pdf](#)
2. [POSTER AKTIVITI PERSATUAN PELAJAR.pdf](#)
3. [Program Digital Literacy.pdf](#)
4. [PROJEK IMEMBACA.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Berdasarkan kepada Daftar Analisa Impak Operasi dan Perancangan Kesyinambungan Operasi yang telah disediakan oleh HEP IM pada 13 April 2020 susulan kepada situasi pandemik yang berlaku di seluruh dunia; HEP IM telah menyusun beberapa strategi dan inisiatif agar fungsi dan operasi HEP berjalan dengan efisien dan efektif; walaupun berhadapan dengan norma baharu.

Inisiatif HEP IM adalah dengan mewujudkan program berteraskan kepada kategori kumpulan seperti : (a) IM CARE, (b) IM JUNIORPRENEUR, (c) IM FUTURE, (d) IM PRIDE, (e) IM LEADER, (f) IM GOES ABROAD, (g) IM INTERNATIONAL COMPETITION, (h) IM BOOT CAMP, (i) IM SPORTS dan (j) IM JUNIORVENTION.

Pembahagian mengikut kategori ini adalah khusus untuk mencapai PI yang telah disasarkan kepada HEP IM serta membantu PJI IM dan HEA IM. Prinsip saling membantu antara bahagian, banyak membantu kepada kejayaan mencapai PI dalam masa yang singkat.

Setiap kategori kumpulan mempunyai objektif yang tersendiri dan mempunyai hasil impak yang berbeza. Berdasarkan kepada Analisa Impak, terdapat tiga (3) kategori inisiatif yang mempunyai impak yang tinggi dari segi pengurusan risiko. Tiga kategori berkenaan adalah IM CARE, IM Future (Kerjaya dan MAGIM StEPS), dan IM Boot Camp. Tiga kategori ini diletakkan sebagai TINGGI memandangkan ianya mempunyai impak kepada reputasi dan objektif fakulti. IM CARE sebagai contoh; mempunyai Program SULAM yang mewakili kepada 3 kursus yang telah didaftarkan. Sebelum Pandemic, Program SULAM berjaya melaksanakan program bersama masyarakat, ALUMNI dan industri. Terdapat banyak program dan aktiviti yang dilaksanakan di Perpustakaan Negara/Negeri/Daerah/Desa, Perpustakaan Khusus (Sektor Swasta/Korporat) dan Perpustakaan Sekolah. Malah, program SULAM dinanti-nantikan oleh agensi terbabit untuk menyemarakkan penggunaan perpustakaan di kalangan masyarakat. Malah, setiap program yang dirancang, pasti akan mendapat insentif khas daripada agensi terbabit seperti penyediaan makanan kepada para pelajar, penggunaan pengangkutan agensi, penggunaan peralatan dan kemudahan agensi, menggunakan siaraya agensi serta menghebahkan program atau aktiviti berkenaan menggunakan saluran rasmi (media sosial/email/akhbar) agensi berkenaan. Pelajar yang menyertai program SULAM tersebut secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan kemahiran komunikasi, membuat keputusan, menyusun, mentadbir dan menguruskan aktiviti/program serta menyantuni masyarakat, ALUMNI dan industri serta dapat meningkatkan kredibiliti dan mempromosikan setiap program akademik Fakulti Pengurusan Maklumat. Pelajar juga kekurangan kemahiran berkaitan bidang atau idea atau berkongsi idea daripada pihak masyarakat, ALUMNI dan industri. Pandemic menyebabkan aktiviti/program seperti ini tidak dapat dijalankan disebabkan perjumpaan berskala besar yang tidak dibenarkan.

IM Boot Camp yang dikhususkan kepada para pelajar tahun akhir (semester 5 bagi IM244, IM245, IM246 dan IM247 serta semester 04 bagi IM249) menimba ilmu dan kemahiran sebagai persiapan memasuki dunia kerjaya juga tidak boleh dilaksanakan seperti sedia kala. Pendedahan mengenai kerjaya dan persediaan sebelum menghadiri temuduga daripada pihak industry dan ALUMNI amat penting dikalangan pelajar tahun akhir sebagai persiapan terakhir mereka sebelum bekerja. Tunjuk ajar secara 'face-to-face' adalah lebih berkesan berbanding secara ODL; kerana fokus pelajar adalah tertumpu kepada penceramah atau fasilitator.

Walaupun pandemic dan risiko-risiko yang perlu dihadapi oleh HEP IM, HEP IM kekal menyusun strategi dengan mengubah cara pelaksanaan aktiviti. Pada awalnya, strategi ini seperti tidak meyakinkan tetapi, atas daya usaha, semangat serta kerjasama daripada semua sama ada pihak pengurusan fakulti, HEA IM, PJI IM dan para pensyarah, strategi ini berjaya dilaksanakan dan seterusnya berjaya mencapai PI HEP 100% sebelum akhir tahun 2020.

-

SENARAI BUKTI :

1. [Analisis Kebergantungan PTJ.pdf](#)
2. [Analisis Impak.pdf](#)
3. [Kesinambungan Operasi.pdf](#)

5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, penambahbaikkan program dan aktiviti yang telah dijalankan dilihat sebagai satu keperluan penting untuk memastikan kualiti program berada ditahap yang tinggi. Pada tahun 2020, setelah program dilaksanakan, analisa maklumbalas pelanggan dari borang soal selidik akan dijalankan. Begitu juga bagi program yang dijalankan di atas talian, maklumbalas pelanggan diruang sembang juga diambil kira bagi tujuan penambahbaikkan program.

Pihak BHEP UiTM juga memandang serius terhadap sebarang jenis aduan yang diutarakan dari pelajar. Terdapat pelbagai jenis bentuk aduan yang diterima antaranya kes pelajar depresi, gangguan seksual, pelajar menarik diri dari meneruskan pengajian dan serta masalah keluarga. Setiap satu aduan diteliti dan diambil tindakan yang sewajarnya untuk membantu pelajar merungkai segala permasalahan.

Berhadapan dengan situasi pandemik ini juga HEP IM mengambil tindakan proaktif membantu pelajar yang terpaksa berada di asrama serta pelajar golongan B40 yang memerlukan bantuan walaupun pelajar berada di kampung masing-masing. Banyak inisiatif dan tindakan diusahakan oleh HEP IM dengan bantuan Majlis Perwakilan Pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. [Inisiatif Penambahbaikkan HEP.pdf](#)
2. [LAPORAN FS FPM NOV 2019.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

HEP IM melaksanakan tugas mengurus pembangunan pelajar dengan berlandaskan kepada perancangan yang sistematik. Perancangan HEP IM sangat berkaitan rapat dengan misi, visi dan perancangan Strategik UiTM 2020 -2025. Pihak BTU telah menyediakan semua Petunjuk Prestasi (PI) yang terancang dan tersusun, maka FPM harus berusaha menyumbang kepada pencapaian PI yang terbaik. Secara umumnya HEP IM telah melaksanakan tugas merancang dan melaksanakan semua aktiviti yang berkaitan dengan pelajar akan menyumbang kepada pencapaian cemerlang Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan.

Bagi untuk memastikan semua aktiviti pelajar yang dirancang boleh membantu FPM mencapai PI yang telag ditetapkan maka HEP IM telah menambahbaik kecekapan mengurus aktiviti pelajar dengan mengwujudkan mekanisma pelaksanaan Mesyuarat Kewangan Aktiviti dan Pembangunan Pelajar atau MeKAPP sebagai satu-satunya mesyuarat yang membincangkan secara keseluruhan aktiviti yang melibatkan aktiviti pelajar seperti kelulusan aktiviti dan juga permohonan kewangan oleh Persatuan Dalaman atau Pusat Pengajian bagi menjalankan sesuatu aktiviti. MeKAPP merupakan mekanisma yang sangat unik dan memainkan peranan besar dalam merancang, mengawal, memantau dan menambahbaik semua aktiviti yang melibatkan pelajar.

MeKAPP dipengerusikan oleh Dekan IM dan dianggotai oleh Timbalan-timbalan Dekan IM, Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran), Kakitangan Bahagian Kewangan dan Pegawai Eksekutif Hal Ehwal Pelajar selaku Setiausaha mesyuarat. MeKAPP IM biasanya dilaksanakan sebanyak 5 kali dalam satu semester (2019, sebelum pandemic) dan 2 kali dalam satu semester (2020, semasa pandemic).

MeKAPP yang paling dinanti-nantikan oleh Pengarah atau Ketua Projek/Aktiviti/Program memandangkan mesyuarat ini yang membincangkan dan meluluskan bajet kepada aktiviti yang dicadangkan. Pengurusan bajet kepada HEP IM adalah jelas; (a) Jika aktiviti berkenaan adalah aktiviti Persatuan Dalaman, mereka berhak untuk menuntut elaun makan, penginapan, pengangkutan, honorarium, cenderahati atau hadiah pertandingan, (b) Jika aktiviti berkenaan adalah aktiviti daripada kursus SULAM, mereka berhak untuk menuntut elaun makan, penginapan, pengangkutan dan honorarium kepada penceramah (hadiah pertandingan adalah inisiatif pelajar yang mengikuti kursus berkenaan) dan (c) Jika aktiviti berkenaan adalah di peringkat Universiti/Kampus, pelajar yang menyertai akan mendapat segala kemudahan elaun makanan, penginapan, pengangkutan dan yang berkaitan.

SENARAI BUKTI :

1. [Akaun Pengurusan FPM 2019 2020.pdf](#)
2. [Data Pencapaian Strategik HEP 2018 - 2020 ver2.pdf](#)
3. [Minit MeKAPP FPM Bil 05 2019 dan Bil 01 2020.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi MARA merupakan nadi pengurusan pelajar bagi seluruh sistem universiti untuk menyempurnakan bidang tugas, tanggungjawab dan fungsinya selaras dengan peruntukan Akta 173 dan Akta 174 sejak tahun 1976 dan pindaan-pindaannya di bawah kawalan Naib Canselor UiTM.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Fakulti Pengurusan Maklumat bertanggungjawab melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi dan berpersonaliti unggul untuk memenuhi keperluan global. Di dalam memainkan peranan ini, teras utama merupakan perancangan aktiviti-aktiviti pelajar yang melibatkan aktiviti SULAM, kemahiran, pengetahuan dan juga kebajikan. Aktiviti-aktiviti ini dirancang pada mesyuarat penilaian prestasi, perbincangan persatuan, dan juga mesyuarat perancangan projek khas di bawah kursus yang bersesuaian. Kesemua aktiviti-aktiviti ini perlu dilaksanakan mengikut kepada prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh BHEP atau fakulti.

Perlaksanaan aktiviti sedemikian akan dilaksanakan dibawah pengawasan pensyarah penasihat, di mana kawalan proses disediakan bagi membantu perjalanan aktiviti – aktiviti berjalan dengan lancar dibantu oleh staf pentadbir dan timbalan dekan.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan akan dipantau daripada segi implikasi kewangan dan serahan laporan dengan memberikan tempoh tertentu dengan kriteria yang telah ditentukan oleh pihak HEP fakulti. Melalui laporan yang diberikan, sebarang maklumbalas akan ditelitikan dan tindakan penambahbaikan akan diambil untuk aktiviti masa akan datang.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Hal Ehwal Pelajar di Fakulti Pengurusan Maklumat merupakan satu hub perkhidmatan pelajar yang menyeluruh bagi menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif fakulti bagi memastikan pelajar-pelajar FPM mendapat perkhidmatan yang cemerlang dan menanamkan aspirasi hemah dan pencapaian prestasi sebagai bumiputera yang mempunyai ciri-ciri dinamik, kreatif dan prihatin yang tinggi.

Pembabitan pihak HEP IM merangkumi kepada kaedah perancangan, pelaksanaan dan penyediaan laporan kepada setiap aktiviti yang memenuhi kriteria. Aktiviti yang direncanakan akan diambil kira daripada segi impak kepada akademik, penglibatan Alumni atau industry dan juga kesesuaian pengetahuan melingkupi kepada kitaran pengurusan maklumat dan kesesuaian pasaran bagi FPM. Padanan pertanggungjawaban diserahkan kepada individu yang terlibat dalam setiap proses yang melibatkan aktiviti pelajar

Bagi perancangan yang bersifat terbuka seperti aktiviti anjuran Pusat Pengajian, aktiviti SULAM dan aktiviti Persatuan Dalaman, kertas kerja perlu diserahkan pada tempoh yang ditetapkan oleh HEP IM seperti yang telah digariskan iaitu dihantar empat minggu sebelum aktiviti dilaksanakan atau dihantar pada akhir semester (bagi persatuan dalaman) bagi mempermudah urusan penilaian aktiviti/program dan kelulusan. Perancangan bagi ketetapan aktiviti yang telah dirangka seperti kursus pengurusan organisasi juga akan melalui proses yang sama.

Proses-proses utama HEP telah dikenalpasti dan diteliti dalam perancangan, pelaksanaan dan juga pemantauan dan didokumentasikan sebagai rujukan pihak pentadbiran hep bagi membantu kelancaran aktiviti-aktiviti yang akan diadakan. Antaranya adalah:

IM BOOTCAMP (FINISHING SCHOOL)

Di dalam menyokong kepada pelaksanaan objektif dan inisiatif pihak hal ehwal pelajar di fakulti adalah aktiviti pelajar yang melibatkan persediaan kepada para pelajar untuk berdepan dengan alam pekerjaan dan juga tips menjadi relevan kepada keperluan semasa pasaran, seperti aktiviti wajib setiap semester iaitu *Finishing School*, satu inisiatif yang diadakan dengan modul pembangunan kerjaya yang dikenal pasti dan dikemaskini oleh pihak pembangunan pelajar, HEP UiTM. Di FPM, kaedah dan intipati modul disesuaikan dengan norma terkini yang diperlukan pihak industri tanpa menjejaskan matlamat utama modul. *Finishing school* mempunyai dua (2) sesi yang wajib dihadiri oleh pelajar semester lima (5)

1. *SESI 1: Finishing School Webinar: Bridging the Talent Gap*
2. *SESI 2: Finishing School: LDK*

Sesi *Finishing School* FPM diadakan secara dalam talian dan dihadiri bersama pengarah program dan ahli jawatankuasa yang terlibat.

Bukti: LAPORAN Finishing School FPM JULAI 2020

TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR

Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar adalah unit yang membantu pelajar menyelaras biasiswa, pinjaman dan dermasiswa kepada pelajar – pelajar melalui Agensi Kerajaan atau Agensi Swasta yang terlibat. Selain itu juga membantu pelajar yang mengalami kemalangan atau

kecederaan melalui Tabung Kecemasan Pelajar serta membantu pelajar yang mengalami masalah berkaitan kewangan melalui bantuan Tabung Kebajikan Pelajar.

Objektif bagi penubuhan tabung kebajikan pelajar adalah seperti berikut;

- Memberi perkhidmatan yang professional, beretika dan mesra kepada pelajar.
- Memberi perkhidmatan tabung kebajikan, tabung kecemasan kepada pelajar yang layak dengan tempoh masa kurang daripada 14 hari.
- Menyelaras bantuan pelajaran yang ditawarkan daripada agensi kerajaan atau agensi swasta mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.
- Membantu pelajar yang mengalami masalah tajaan terus kepada pihak penaja

Bukti: Carta Alir Tabung kebajikan pelajar

PENGENDALIAN PILIHANRAYA JPP

Perancangan tentang kecemerlangan akademik dilihat bergantung kepada sumber yang paling penting bagi sesebuah universiti, terutamanya iaitu kualiti pelajar yang mampu memenuhi keperluan pasaran global. Berdasarkan kepada objektif ini, maka FPM mengambil langkah dalam menekankan bahawa keanggotaan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang dipilih harus mempunyai dan menepati kriteria itu, iaitu mempunyai pencapaian akademik yang sangat sesuai selain daripada minat dan kesungguhan dalam memupuk jati diri dan modal insan.

Menginsafi pentingnya kualiti keihsanan ini supaya berkembang dalam pendidikan, barisan MPP FPM yang terpilih harus memberikan kepimpinan yang boleh dicontohi. Teladan yang ada pada pucuk kepimpinan bakal menjadi sumber ikutan pelajar lain. Kehadiran sifat keinsanan dalam diri pengurusan MPP boleh menyemai rasa percaya dan ukhuwah yang tinggi serta menjadi elemen pendorong yang tinggi untuk setiap pihak melakukan yang terbaik.

Bagi mendapatkan calon yang bersesuaian dan menepati kriteria; setiap Pusat Pengajian dengan kerjasama daripada Persatuan Dalaman perlu menghantar sekurang-kurangnya seorang calon untuk bertanding sebagai MPP. Sesi temubual akan dilaksanakan di peringkat Fakulti yang panelnya dianggotai oleh TDHEP, Penyelaras-penyelaras HEP dan setiausaha adalah Pegawai Eksekutif HEP. Sesi temubual ini adalah penting untuk melihat kredibiliti, daya saing, sifat kepimpinan, disiplin dan corak pemikiran calon MPP. Terdapat empat (4) kategori soalan yang akan diberikan tumpuan iaitu : (a) Soalan berkaitan dengan aktiviti pelajar, (b) Soalan berkaitan dengan kebajikan pelajar, (c) Soalan berkaitan dengan employability pelajar dan (d) Soalan berkaitan perkara umum yang berkaitan antara pelajar, disiplin dan akademik. Tiga (3) calon yang terbaik akan diputuskan dan diusulkan untuk mengisi borang calon JPP dan dihantar kepada Dekan untuk pengesahan.

Pada tahun 2020, akibat daripada Pandemik yang berlaku; Pilihanraya JPP telah diubah kepada sistem e-voting; yang mana para pelajar diberikan masa 2 hari untuk mengundi calon wakil pelajar bagi Fakulti Pengurusan Maklumat. Dan Fakulti Pengurusan Maklumat telah berjaya mendapat hamper 80% pelajar yang mengundi menggunakan sistem e-voting.

Bukti: CARTA ALIR - PROSES PENGENDALIAN PILIHANRAYA JPP

PENGURUSAN ZAKAT PELAJAR

Pihak HEP FPM memberi tumpuan dalam aspek pemerksaan pendidikan kepada pelajar daripada keluarga asnaf dan B40 serta pelajar-pelajar yang terkesan akibat musibah yang melanda keluarga dan menepati kriteria penerimaan zakat. Seterusnya pelajar-pelajar yang dikenal pasti akan diberikan penerangan dan dimajukan kepada unit zakat UiTM untuk urusan seterusnya.

AKTIVITI PELAJAR

Perancangan dan pelaksanaan bagi aktiviti-aktiviti pelajar di FPM tertumpu kepada pembangunan dan keperluan akademik program FPM. Pihak HEP FPM telah mewartakan keperluan-keperluan ini bagi kemudahan semua pelajar mengikuti saluran yang betul dalam proses perancangan, pelaksanaan, pemantuan dan juga penambahbaikan.

Service-Learning Malaysia (SULAM)

Satu inisiatif transformatif dan fleksibel yang merujuk kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan hasil pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti yang melibatkan pelajar berinteraksi dengan komuniti bagi menyelesaikan permasalahan setempat dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang mereka pelajari di bilik kuliah. Aktiviti pelajar yang melibatkan aktiviti SULAM dikenalpasti di dalam kursus yang ditawarkan dalam setiap program FPM. Ia mempunyai nilai kredit dan jam pelaksanaan khidmat komuniti itu dikira dalam pengiraan jumlah jam pelajar belajar bagi kursus yang berkaitan

Tiga (3) kursus SULAM yang telah didaftarkan pada tahun 2019-2020 untuk mencapai PI adalah:

- a) IMR604 – Oral Documentation (diletakkan di bawah Persatuan iREC)
- b) IMA608 – Marketing Information Services (diletakkan di bawah Persatuan RECMA)
- c) IML606 – Children Librarianship (diletakkan di bawah Persatuan GenLIS)

Persatuan Dalaman FPM

HEP IM memberikan garis panduan dan membuka ruang permohonan melakukan aktiviti kepada semua Persatuan Dalaman FPM. Di dalam FPM, terdapat beberapa persatuan pelajar yang terdiri daripada:

- a) Sekretariat Mahasiswa Fakulti Pengurusan Maklumat (SMFPM) yang bertindak sebagai penghubung antara Universiti – Fakulti – Pelajar. Fungsi dan peranan MPP boleh diukur kejayaannya dengan penglibatan SMFPM yang bergerak bersama MPP IM. Tumpuan aktiviti dan program adalah lebih ke arah skala yang besar yang melibatkan akademik, kerjaya, kemahiran serta kebajikan
- b) IMSA merupakan persatuan umum kepada semua pelajar IM tanpa melihat program akademik para pelajar IM. Program atau aktiiti yang dijalankan oleh IMSA adalah lebih ke arah aktiviti sosial dan rekreasi yang penting untuk kesihatan dan minat para pelajar.
- c) Persatuan Dalaman Pusat Pengajian yang terdiri daripada GENLIS (Pusat Pengajian Pengurusan Perpustakaan), AiMS (Pusat Pengajian Informatik – pengkhususan Pengurusan Sistem Maklumat, iREC (Pusat Pengajian Pengurusan Rekod), RECMA (Pusat Pengajian Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) dan iCONS (Pusat Pengajian Informatik – Pengkhususan bidang Pengurusan Kandungan Maklumat). Persatuan Dalaman ini banyak membantu Pusat Pengajian masing-masing untuk melaksanakan aktiviti bersifat akademik dan rekreasi yang tertumpu kepada bidang pengajian masing-masing.

Aktiviti- aktiviti lain adalah bersifat merapatkan ukhwah bersama ahli persatuan, aktiviti kebajikan, kursus kemahiran, ceramah motivasi, perkongsian pengetahuan bersama pihak alumni dan industri, dan lain-lain.

Bukti : Laporan KPO TEBBY IREC 2019

Lawatan Pelajar Ke Luar Negara

Pelajar yang dihantar untuk menghadiri persidangan, lawatan akademik dan juga Latihan industri di luar negara diuruskan pihak HEP bersama HEA dan pengurusan tertinggi FPM.

Lawatan Akademik Pelajar

Lawatan wajib pelajar yang merupakan aktiviti rasmi dan wajib kepada kursus-kursus yang dikenalpasti di dalam FPM yang menepati kepada kriteria yang ditetapkan oleh HEP.

Bukti : Student Internationalisation Activities - Visits

SENARAI BUKTI:

1. [LAPORAN Finishing School FPM JULAI 2020.pdf](#)
2. [Carta Alir Tabung kebajikan pelajar.pdf](#)
3. [CARTA ALIR - PROSES PENGENDALIAN PILIHANRAYA JPP.pdf](#)
4. [Laporan KPO TEBBY IREC 2019.pdf](#)
5. [Student Internationalisation Activities - Visits.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Hal Ehwal Pelajar (HEP) Fakulti Pengurusan Maklumat (FPM) juga mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan kepada pelajar bukan sahaja untuk aktiviti dalaman universiti, malah turut melibatkan organisasi dan industri samada dalam dan luar negara. HEP IM juga telah bersama-sama membantu Fakulti dengan membantu Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri untuk menyediakan program atau aktiviti pelajar yang menjurus kepada pencapaian PI kepada Pejabat Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) IM. Sebagai contoh aktiviti kolaborasi pelajar bersama : (a) Institut Jantung Negara (IJN), di mana pelajar bersama-sama kakitangan IJN membuat projek khas dalam mengemaskini rekod pengurusan dan pentadbiran rekod perubatan di IJN; (b) PETRONAS, dimana pelajar bersama-sama kakitangan Unit korporat PETRONAS bersama-sama menjalani projek khas Penilaian dan Pemisahan Rekod PETRONAS yang terdiri daripada koleksi Audio Visual agensi terbabit; (c) Arkib Negara Malaysia, dimana pelajar telah diberikan peluang menambahkan ilmu dan kemahiran di dalam ilmu deskripsi bahan arkib kertas dan pengurusan serta deskripsi bahan arkib berbentuk audio visual; serta (d) Jabatan Arkib Universiti (UiTM), dimana para pelajar telah didedahkan dengan ilmu Penilaian dan Pemisahan Rekod serta system klasifikasi dan pemfailan dengan menjalani latihan praktikal selama sebulan bersama Jabatan Arkib Universiti (UiTM). Aktiviti sedemikian dapat memberikan pendedahan kepada pelajar secara praktikal dari ilmu yang mereka perolehi dari dalam kuliah. Kesemua aktiviti berkenaan berjaya dilaksanakan sepanjang pengajian tahun 2019 tetapi telah dihentikan sementara pada tahun 2020. Walaubagaimanapun, pada tahun 2020 satu perancangan rapi telah dilaksanakan antara Pusat Pengajian dengan industri untuk terus menjalankan aktiviti berbentuk perkongsian ilmu dan kemahiran secara atas talian dan dijangka bermula pada tahun 2021.

Selain daripada itu, HEP UiTM juga memberi galakkan kepada pelajar untuk menjalankan aktiviti khidmat masyarakat yang melibatkan organisasi luar, seperti program 'Jom Membaca 10 Minit' yang dilaksanakan di Panggung Anniversary Taman Tasik Perdana yang bertujuan untuk pelajar menarik minat dan menggalakkan budaya membaca dikalangan masyarakat.

Bukti: Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020 - Bersama Organisasi dan Masyarakat

Malah aktiviti yang melibatkan pelajar dan universiti dari luar negara turut dilaksanakan. Antaranya seperti :

a) September 2019 – Januari 2020, IM telah menerima 4 orang pelajar dari Universitas Pendidikan Indonesia (UPI) bagi program pertukaran pelajar. Keempat-empat pelajar telah mengikuti sesi pengajian bersama pelajar IM244 (Pengurusan Perpustakaan) di Semester 05. Empat orang pelajar tersebut adalah :

- i- Rayhan Musa Novian
- ii- Rifa Nadila
- iii- Nurul Aziza
- iv- Tsania Syaharani

b) 01-04 November 2019, IM telah menghantar 5 orang pelajar bagi menyertai program FISIP Idea Matters 6.0 anjuran Universitas Airlangga Indonesia. Seorang pelajar IM, Saudara Hazmi Fahim Haznain telah dipilih untuk memenangi anugerah Best Presenter.

c) 08-13 Disember 2019. IM telah menghantar 4 orang pelajar bagi menyertai Summer

Programme di BINUS University, Jakarta Indonesia dan seorang pelajar IM, Saudara Hassan Ali Mustamum; telah dianugerahkan Excellent Participation as Best Team.

d) 01-15 Februari 2020, IM telah mengantar 4 orang pelajar untuk menyertai Program Pertukaran Pelajar di University of Dhaka Bangladesh.

Bukti : Aktiviti Pelajar FPM di Antarabangsa

SENARAI BUKTI :

1. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020 - Bersama Organisasi dan Masyarakat.pdf](#)
2. [Aktiviti Pelajar FPM di Antarabangsa.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pihak HEP mengambil berat terhadap keberkesanan setiap aktiviti dalam memelihara kualiti dan memperkasakan insaniah terhadap pelajar FPM. Jesteru, penetapan proses yang telah dibincangkan seperti didalam perkara 6.3 adalah menjadi asas kepada kaedah pemantauan yang dilaksanakan. Pemantauan yang dilakukan melalui penelitian pada setiap dokumen yang diperlukan dan juga kepada jenis aktiviti yang telah direncanakan. Lantikan pegawai yang bertanggungjawab juga dibuat dengan skop tugas dan tanggungjawab dalam memantau sepanjang program atau aktiviti berlangsung. Bagi memastikan program/aktiviti yang dirancang oleh para pelajar dijalankan dengan baik seperti yang telah bentangkan di dalam Pra MeKAPP (1) dan seperti yang telah diluluskan oleh MeKAPP; kakitangan HEP IM akan sentiasa memantau program/aktiviti berkenaan. Sebelum pandemic pada bulan Mac 2020, program yang dilaksanakan sempat dipantau oleh TDHEP dan Pegawai Eksekutif semasa dilaksanakan di Dewan Seminar Fakulti. Malah, TDHEP juga akan bersama dengan para pelajar untuk melihat keberkesanan program serta melihat sebarang penambahbaikan dari segi peralatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak Fakulti kepada para pelajar IM. Ketika inilah, HEP IM dapat mengenalpasti beberapa masalah yang dihadapi pelajar semasa menganjurkan aktiviti di Dewan Seminar Fakulti seperti:

- a) Masalah speaker dan mic
- b) Masalah projector
- c) Lantai Dewan yang tidak sekata
- d) Kekurangan kerusi

Masalah seperti ini telah dibincangkan bersama Juruteknik bertugas dan Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran). Bajet bagi hal berkenaan juga telah dibincangkan di dalam Mesyuarat yang berkenaan perkara diatas.

Semasa pandemic; bermula Mac 2020; pemantauan bagi setiap aktiviti yang dirancang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Tambahan, aktiviti Persatuan Dalaman seolah-olah terhenti pada Mac 2020-Mei 2020 atas faktor keliru dengan situasi pandemic. Disebabkan akur dengan ketetapan PKP oleh Kerajaan Malaysia, hanya kursus SULAM sahaja yang diberikan sepenuh perhatian oleh Resource Person bagi kursus berkenaan serta Ketua Pusat Pengajian. Tetapi pada Oktober 2020, aktiviti pelajar kembali rancak dianjurkan oleh pihak Persatuan Dalaman. Ketika ini, seolah-olah muncul perang e-poster di kalangan Persatuan Dalaman yang dilengkapi dengan platform siaran. Kebanyakannya memilih untuk membuat siaran secara langsung daripada media sosial persatuan masing-masing. Ketika inilah, pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan teratur. Aspek pemantauan dapat dilakukan oleh penasihat program melalui laporan yang dihasilkan diakhir aktiviti pelajar ini. Maka setelah selesai setiap program atau aktiviti yang dijalankan, setiap Pengarah atau Ketua Projek diberikan tempoh dua (2) minggu untuk menghantar laporan aktiviti yang mengandungi; (a) Laporan keseluruhan program, (b) Kos yang digunakan, (c) Masalah yang dihadapi, (d) Senarai kedatangan pelajar, (e) Gambar dan video (sebelum pandemic) atau gambar (paparan Google Meet/Webex/Zoom/FB Live) sebagai bukti berlangsungnya program dan Penilaian EES. Hasil penilaian EES juga memberikan maklumat yang boleh digunakan sebagai mekanisma pemantauan dan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI:

1. [Minit MeKAPP FPM Bil 05 2019 dan Bil 01 2020.pdf](#)
2. [LAPORAN MAGIM FANTASY 2019.pdf](#)
3. [Laporan Aktiviti Persatuan IMSA - MAHASISWA TERPUJI 2019.pdf](#)

-
4. [IMA608 CLOUD GAMING PLATFORM SULAM.pdf](#)
 5. [LAPORAN Finishing School FPM MEI 2019.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Di dalam bahagian hal ehwal pelajar FPM, risiko bagi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan diuruskan bagi berdepan dengan perkara yang tidak diduga berlaku. Ini dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini, jangkakan kepada risiko-risiko yang membabitkan pelajar dan juga staff pentadbiran

Walaupun pandemic dan risiko-risiko yang perlu dihadapi oleh HEP IM, HEP IM kekal menyusun strategi dengan mengubah cara pelaksanaan aktiviti. Pada awalnya, strategi ini seperti tidak meyakinkan tetapi, atas daya usaha, semangat serta kerjasama daripada semua sama ada pihak pengurusan fakulti, HEA IM, PJI IM dan para pensyarah, strategi ini berjaya dilaksanakan dan seterusnya berjaya mencapai PI HEP 100% sebelum akhir tahun 2020.

Strategi Risiko terbahagi kepada; (a) Impak Manusia, (b) Impak Operasi, (c) Impak Reputasi dan (d) Impak Objektif.

1- Impak Manusia

a) Jika dibenarkan secara fizikal (F2F), para pelajar yang menyertai program/aktiviti akan dipecahkan ke skala yang lebih kecil; yang dibenarkan mengikut kepada SOP MKN, KPT dan UiTM dan mereka boleh merujuk terus dengan Resource Person/Pensyarah, KPP atau Penasihat Program berkenaan.

b) Jika secara online, para pelajar boleh mendaftarkan diri di media sosial ataupun platform atas talian yang diuruskan oleh pihak penganjur program/aktiviti untuk mendapatkan maklumat dari semasa ke semasa atau untuk menyertai program/aktiviti tersebut.

2- Impak Operasi

Komunikasi bersama para pelajar dilakukan secara maya melalui aplikasi Whatsapp, Zoom, Google Meet, Webex, FB Live atau mana-mana aplikasi yang mana para pelajar dapat berinteraksi dengan pengurusan IM, penganjur program/aktiviti, KPP, Resource Person, Pensyarah atau Kakitangan IM untuk mendapatkan maklumat tepat ataupun sekiranya mereka mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan program/aktiviti atau bidang pengajian.

3- Impak Reputasi - Menjalinkan hubungan yang baik antara pihak masyarakat, ALUMNI dan industri dengan saling berhubung menggunakan platform online atau bekerjasama di dalam aktiviti yang tidak melibatkan perkumpulan pelajar yang ramai di satu tempat. Sesi interaksi, pertukaran atau perkongsian idea boleh dilaksanakan dengan menganjurkan Webinar secara Live atau apa sahaja platform yang mudah untuk diakses oleh para pelajar dan kakitangan IM.

4- Impak Objektif – Mencari alternatif bagi medium komunikasi untuk para pelajar yang tiada akses kepada Internet, bagi memastikan semua pelajar mendapat maklumat yang tepat dan samarata (*eliminate the digital gap*) serta membuat perubahan kepada tugasan di dalam kursus atau program/aktiviti berkenaan.

SENARAI BUKTI :

1. [Analisis Kebergantungan FPM.pdf](#)
2. [Analisis Impak FPM.pdf](#)
3. [Perancangan Kesiambungan Operasi FPM.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

HEP IM sentiasa bersedia dengan setiap kemungkinan perubahan Petunjuk Prestasi (PI) yang disasarkan oleh pihak Universiti kepada setiap fakulti.

Pada peringkat awal tahun 2019, berlaku sedikit keraguan mengenai PI-PI yang telah ditentukan kepada HEP IM. Pertukaran TDHEP sedikit sebanyak telah mengubah lanskap pengurusan aktiviti pelajar yang disasarkan terus kepada PI HEP. Peranan TDHEP dan Penyelaras Perancangan Strategik banyak membantu di dalam kejayaan HEP IM untuk mencapai PI 100% pada tahun 2020 walaupun tahun berkenaan masih berbaki 5 bulan.

Perbincangan demi perbincangan di dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif yang dianggotai oleh Dekan IM, Timbalan-timbalan Dekan IM, Penyelaras Perancangan Strategik, Ketua Unit Kualiti IM dan Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran) telah memberikan idea kepada HEP IM untuk memperkenalkan beberapa inisiatif yang bertujuan untuk mencapai PI dengan lebih mudah, dinamik, efisien dan efektif.

Inisiatif HEP IM adalah mewujudkan program berteraskan kepada:

1- IM CARE

Khusus bagi aktiviti SULAM bagi kursus yang telah didaftarkan. Memandangkan SULAM hanya terlaksana semasa minggu ke lapan sesi pengajian, Resource Person diberikan masa yang secukupnya untuk merangka strategi (sasaran aktiviti, masa, tarikh) aktiviti SULAM yang dicadangkan. Sasaran SULAM biasanya adalah kepada masyarakat, industry dan ALUMNI.

2- IM JUNIORPRENEUR

Khusus bagi semua aktiviti berasaskan atau berteraskan keusahawanan di kalangan pelajar dengan dibantu oleh pensyarah bagi kursus ENT dan juga pihak MASMED bagi program seperti ceramah/seminar atau latihan. Program/Aktiviti yang dirancang :

- i- Ekspo Keusahawanan – anjuran SMF
- ii- Kursus/Seminar/Latihan – anjuran MASMED
- iii- Gerai jualan Persatuan Dalaman

3- IM FUTURE

Mensasarkan kepada program kerjaya bersifat kerjasama bersama industri dan ALUMNI seperti program bual bicara bersama ALUMNI IM yang berjaya, pameran berkaitan kerjaya berkaitan bidang sains maklumat, kursus atau latihan berkaitan kerjaya.

- i- Ekspo Kerjaya – anjuran SMF
- ii- Bual bicara/Latihan/Seminar/Lawatan – anjuran Persatuan Dalaman
- iii- MAGIM StEPS – anjuran SMF dan IMSA

4- IM PRIDE

Mensasarkan kepada program/aktiviti bagi membantu pelajar IM yang mempunyai CGPA kurang daripada 2.50. Program dirangka dengan slot meningkatkan semangat yang disampaikan oleh pelajar yang pernah mendapat keputusan peperiksaan P1 tetapi berjaya mendapat 3.0 semasa di semester 5, slot pengurusan masa serta slot tutor tutee bersama

pelajar semestariang

- i- Program IM Pride – anjuran HEP/HEA
- ii- Program Tutor Tutee – anjuran SMF

5- IM LEADER

Mensasarkan program berbentuk kepimpinan dikalangan pelajar IM. Program adalah anjuran khusus HEP IM atau BHEP, Shah Alam.

- i- HEP Retreat and Leadership – anjuran HEP IM
- ii- Kursus Kepimpinan – anjuran BHEP Shah Alam
- iii- Kursus Patriotisme/ESI iDART – anjuran BHEP Shah Alam

6- IM GOES ABROAD

Mensasarkan program berbentuk lawatan atau pertukaran pelajar ke universiti luar negara.

- i- IM travelling to Europe – anjuran HEP IM

(Perancangan dibuat pada Oktober 2019 dan dijadualkan bertolak pada bulan Oktober, 2020 tetapi ditangguhkan disebabkan pandemic).

- ii- Program pertukaran pelajar – anjuran bersama OIA

7- IM INTERNATIONAL COMPETITION

Mensasarkan program atau aktiviti peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh universiti di luar negara atau anjuran universiti di dalam negara. Telah mendapat sokongan dan bantuan daripada OIA atau daripada Ketua Bidang Pusat Pengajian di dalam IM atau daripada mana-mana sumber sah yang diperolehi daripada poster rasmi OIA, HEA atau BHEP.

8- IM BOOT CAMP

Mensasarkan program Finishing School yang dilaksanakan pada setiap pertengahan semester dan melibatkan pelajar semester 5 (IM244, IM245, IM246 dan IM247) serta pelajar semester 04 (IM249). Antara kandungan aktiviti adalah seperti bual bicara bersama ALUMNI dan industri, teknik menghadiri temuduga kerjaya, teknik menyediakan CV paling efisien dan hal yang berkaitan dengan permohonan pekerjaan.

9- IM SPORTS

Mensasarkan kepada program/aktiviti sukan sama ada sukan secara fizikal atau e-sports. Setiap persatuan dalaman perlu mensasarkan satu program berkaitan sukan pada setiap semester.

- i- MAGIM StEPS – anjuran SMF dan IMSA
- ii- Sukan antara Program (SUPRO) – anjuran IMSA
- iii- Sukan antara semester (Pusat Pengajian) – anjuran Persatuan Dalaman
- iv- E-SPORTS – anjuran Persatuan Dalaman

10- IM JUNIORVENTION

Mensasarkan kepada program bersifat 'innovation dan invention'. Percubaan pertama telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2018 di peringkat fakulti.

- i- Program International IID Competition – anjuran SMF/iCONS/AiMS
- ii- IID Competition peringkat fakulti – Persatuan Dalamam

Pembahagian inisiatif seperti ini banyak membantu HEP IM untuk memberi tumpuan penuh kepada aktiviti yang dirancang oleh Persatuan Dalamam dan juga Pusat Pengajian. Berbanding sebelum ini 2018-2019, sasaran PI tidak khusus dan berbentuk umum yang menyebabkan HEP IM gagal untuk mengenalpasti pencapaian PI dan tanggungjawab siapa untuk mencapai PI-PI tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [Data Pencapaian Strategik HEP 2018 - 2020.pdf](#)
2. [INISIATIF STRATEGIK HEP \(AKTIVITI\) 2019 -2021.pdf](#)
3. [Petikan Minit Mesyuarat Bil 16 2020 - Pembentangan PI HEP Lengkap 100.pdf](#)
4. [Petikan Minit Mesyuarat Bil 12 2020 - Pembentangan Kemajuan PI HEP 2020 No Lampiran.pdf](#)
5. [Lampian 1- Minit Mesyuarat Bil 12 2020 - Pembentangan Kemajuan PI HEP 2020.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hal Ehwal Pelajar FPM amat menitik beratkan kualiti dan inovasi terhadap pembentukan perancangan aktiviti-aktiviti dilakukan secara berterusan dan terus terlaksana. Satu pendekatan yang dilakukan oleh pihak HEP adalah dengan menerapkan beberapa kualiti wajib untuk mengenalpasti penambahbaikan yang bersesuaian untuk diteruskan dan seterusnya melaksanakan inovasi di masa akan datang.

HEP sePADU

Pendekatan bagi menyebarkan kesedaran dan peningkatan pelajar dalam inovasi yang dibuat oleh HEP FPM bagi menyelaraskan kesejajaran aktiviti dengan komunikasi, potensi, produktiviti dan sokongan yang diperlukan sepanjang tempoh yang telah ditetapkan.

Komunikasi

Di dalam menyediakan perancangan, pelaksanaan, pemantauan mahupun penambahbaikan, ianya adalah paling efektif sekiranya komunikasi di antara pihak HEP, pentadbiran dan pelajar berjalan dengan lancar tanpa sebarang prejudis dan persefahaman bersama. Ini merupakan titik tolak ketelusan dalam pelaksanaan dasar kementerian untuk mewujudkan persekitaraan kerja yang professional dan juga pemantapan modal insan.

Potensi

Adalah penting untuk pihak HEP dan pelajar untuk mengenali potensi yang ada dan menyarankan kegiatan aktiviti-aktiviti yang menarik dan memberikan impak tinggi terhadap pelajar dan juga fakulti, mewujudkan Anugerah Persatuan Terbaik Fakulti bagi menghargai jasa dan pengorbanan Persatuan Dalamannya untuk menaikkan nama fakulti di mata masyarakat/komuniti, industri dan ALUMNI, mewujudkan anugerah Tokoh Kepimpinan Cemerlang dikalangan pelajar aktif berpersatuan, menyantuni segala usaha pelajar sebagai pemangkin semangat dan penanda aras yang tinggi untuk menghasilkan yang lebih baik pada masa hadapan.

Bukti: IMSA - Report Appreciation (Dean List) Hi Tea Oktober 2019

Produktiviti

Persatuan pelajar diletakkan objektif pencapaian terhadap aktiviti-aktiviti wajib yang mempunyai nilai-nilai seperti ukhwaH sesama ahli persatuan, aktiviti bersama alumni dan industri, aktiviti peningkatan kemahiran, aktiviti kebajikan dan juga aktiviti perkongsian pengetahuan yang dapat meningkatkan produktiviti pelajar dan juga menaikkan nama FPM di pasaran global.

Bukti: Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020

Sokongan

Bagi kesemua teras utama yang didokong oleh HEP, sokongan daripada segi moral, kewangan dan juga kebajikan pelajar dan pegawai yang terlibat dengan HEP diberikan perhatian agar semangat untuk membudayakan nilai murni bangsa dapat dicapai bersama.

Bukti: Minit MeKAPP FPM 2019 dan 2020

SENARAI BUKTI:

1. [IMSA - Report Appreciation \(Dean List\) Hi Tea Oktober 2019.pdf](#)
2. [Aktiviti Pelajar Tahun 2019 dan 2020.pdf](#)
3. [Minit MeKAPP FPM 2019 dan 2020.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL PENCAPAIAN PELAKSANAAN STRATEGIK - PENCAPAIAN PERFORMANCE INDICATOR (PI) PERANCANGAN STRATEGIK FPM

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan HEP IM yang selari dengan perancangan Strategik UiTM

Petunjuk Prestasi atau Performance Indicator (PI) ditentukan oleh Universiti dijadikan sebagai focus kepada pengurusan dan pentadbiran HEP IM. PI bagi tahun 2019 dan 2020 adalah sedikit berbeza. Walaubagaimanapun, HEP IM tidak mempunyai sebarang masalah untuk mensasarkan kejayaan PI tersebut.

PI bagi tahun 2019 kepada HEP IM terdiri daripada dua Outcome iaitu :

a) Outcome 2 :

PI4 : Indeks kepuasan graduan terhadap bimbingan kerjaya

PI5 : Bilangan program kesukarelawanan mahasiswa secara kolaborasi bersama industry

PI1 : Bilangan penganjuran program berteraskan UCE (University Community Engagement)

b) Outcome 5 :

PI 2 : Bilangan program kesukarelawanan mahasiswa secara kolaborasi bersama masyarakat.

PI4 : Bilangan program khidmat kepakaran mahasiswa – masyarakat yang dianjurkan setahun.

Dan PI HEP pada tahun 2020 :

a) PI27 : Bilangan pelajar yang menyertai program kolaborasi dengan pihak industry.

b) PI31 : Bilangan pelajar ijazah sarjana muda sepenuh masa yang menyertai program keusahawanan selain daripada kurikulum.

c) PI34 : Bilangan aktiviti pelajar berkaitan dengan SULAM.

d) PI36 : Bilangan pelajar ijazah sarjana muda yang terlibat dengan program SULAM.

HEP IM sentiasa bersedia dengan setiap kemungkinan perubahan PI yang disasarkan oleh pihak Universiti kepada setiap fakulti. Untuk itu, HEP IM menyediakan inisiatif yang memudahkan pengurusan dan pentadbiran aktiviti/program Persatuan Dalamana atau SULAM. Inisiatif ini telah bermula pada bulan November 2019 dan sentiasa dikemaskini mengikut PI yang ditentukan. Kesemua aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2019 dan 2020 adalah mengikut kepada inisiatif-inisiatif strategik yang telah dirancang.

Berikut adalah 10 Inisiatif Strategik HEP IM :

a) IM CARE

Khusus bagi aktiviti SULAM bagi kursus yang telah didaftarkan. Memandangkan SULAM hanya terlaksana semasa minggu ke lapan sesi pengajian, Resource Person diberikan masa yang secukupnya untuk merangka strategi (sasaran aktiviti, masa, tarikh) aktiviti SULAM yang dicadangkan. Sasaran SULAM biasanya adalah kepada masyarakat, industry dan ALUMNI.

b) IM JUNIORPRENEUR

Khusus bagi semua aktiviti berasaskan atau berteraskan keusahawanan di kalangan pelajar dengan dibantu oleh pensyarah bagi kursus ENT dan juga pihak MASMED bagi program seperti ceramah/seminar atau latihan. Program/Aktiviti yang dirancang :

- i- Ekspo Keusahawanan – anjuran SMF
- ii- Kursus/Seminar/Latihan – anjuran MASMED
- iii- Gerai jualan Persatuan Dalaman

c) IM FUTURE

Mensasarkan kepada program kerjaya bersifat kerjasama bersama industri dan ALUMNI seperti program bual bicara bersama ALUMNI IM yang berjaya, pameran berkaitan kerjaya berkaitan bidang sains maklumat, kursus atau latihan berkaitan kerjaya.

- i- Ekspo Kerjaya – anjuran SMF
- ii- Bual bicara/Latihan/Seminar/Lawatan – anjuran Persatuan Dalaman
- iii- MAGIM StEPS – anjuran SMF dan IMSA

d) IM PRIDE

Mensasarkan kepada program/aktiviti bagi membantu pelajar IM yang mempunyai CGPA kurang daripada 2.50. Program dirancang dengan slot meningkatkan semangat yang disampaikan oleh pelajar yang pernah mendapat keputusan peperiksaan P1 tetapi berjaya mendapat 3.0 semasa di semester 5, slot pengurusan masa serta slot tutor tutee bersama pelajar cemerlang IM.

- i- Program IM Pride – anjuran HEP/HEA
- ii- Program Tutor Tutee – anjuran SMF

e) IM LEADER

Mensasarkan program berbentuk kepimpinan dikalangan pelajar IM. Program adalah anjuran khusus HEP IM atau BHEP, Shah Alam.

- i- HEP Retreat and Leadership – anjuran HEP IM
- ii- Kursus Kepimpinan – anjuran BHEP Shah Alam
- iii- Kursus Patriotisme/ESI iDART – anjuran BHEP Shah Alam

f) IM GOES ABROAD

mensasarkan program berbentuk rawatan atau pertukaran pelajar ke universiti luar negara.

i- IM travelling to Europe – anjuran HEP IM

(Perancangan dibuat pada Oktober 2019 dan dijadualkan bertolak pada bulan Oktober, 2020 tetapi ditangguhkan disebabkan pandemic).

ii- Program pertukaran pelajar – anjuran bersama OIA

g) IM INTERNATIONAL COMPETITION

Mensasarkan program atau aktiviti peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh universiti di luar negara atau anjuran universiti di dalam negara. Telah mendapat sokongan dan bantuan daripada OIA atau daripada Ketua Bidang Pusat Pengajian di dalam IM atau daripada mana-mana sumber sah yang diperolehi daripada poster rasmi OIA, HEA atau BHEP.

h) IM BOOT CAMP

Mensasarkan program Finishing School yang dilaksanakan pada setiap pertengahan semester dan melibatkan pelajar semester 5 (IM244, IM245, IM246 dan IM247) serta pelajar semester 04 (IM249). Antara kandungan aktiviti adalah seperti bual bicara bersama ALUMNI dan industri, teknik menghadiri temuduga kerjaya, teknik menyediakan CV paling efisien dan hal yang berkaitan dengan permohonan pekerjaan.

i) IM SPORTS

Mensasarkan kepada program/aktiviti sukan sama ada sukan secara fizikal atau e-sports. Setiap persatuan dalaman perlu mensasarkan satu program berkaitan sukan pada setiap semester.

i- MAGIM StEPS – anjuran SMF dan IMSA

ii- Sukan antara Program (SUPRO) – anjuran IMSA

iii- Sukan antara semester (Pusat Pengajian) – anjuran Persatuan Dalaman

iv- E-SPORTS – anjuran Persatuan Dalaman

v- Sukan antara Fakulti (SAF) – anjuran Unit Sukan/BHEP, UiTM

j) IM JUNIORVENTION

Mensasarkan kepada program bersifat 'innovation dan invention'. Percubaan pertama telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2018 di peringkat fakulti.

i- Program International IID Competition – anjuran SMF/iCONS/AiMS

ii- IID Competition peringkat fakulti – Persatuan Dalaman

Pembahagian inisiatif seperti ini banyak membantu HEP IM untuk memberi tumpuan penuh kepada aktiviti yang dirancang oleh Persatuan Dalaman dan juga Pusat Pengajian.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Laporan Hasil Pelaksanaan Strategik - TAHAP.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Laporan Hasil Pelaksanaan Strategik - TREN.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Laporan Hasil Pelaksanaan Strategik - PERBANDINGAN.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Laporan Hasil Pelaksanaan Strategik - KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL PENCAPAIAN PELAKSANAAN OPERASI - AKTIVITI PELAJAR TERANCANG SECARA SISTEMATIK

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Aktiviti Pelajar yang dirancang secara sistematik akan menghasilkan dan membuktikan usaha mencapai sasaran objektif BHEP dapat dijayakan dengan cemerlang.

Hal Ehwal Pelajar, Fakulti Pengurusan Maklumat melaksanakan perancangan ini dengan pendekatan perancangan yang sistematik dan menyeluruh bagi aktiviti pelajar.

Bagi melicinkan pentadbiran dan pengurusan aktiviti pelajar, mesyuarat bersama Presiden Persatuan Dalaman akan diadakan pada setiap awal semester dan akhir semester (Oktober 2019 – awal semester dan Februari 2020 – akhir semester, Mac 2020 – awal semester dan Ogos 2020 – akhir semester; Oktober 2020 – awal semester dan Februari 2021 – akhir semester). Selain daripada itu, satu kursus Retreat HEP dan Kepimpinan juga dilaksanakan pada setiap awal semester bagi memantapkan pengurusan dan pentadbiran setiap Persatuan Dalaman IM. Kursus Retreat dan Kepimpinan juga disertai oleh semua Jawatankuasa Persatuan Dalaman, Penyelaras HEP dan Penasihat Persatuan Dalaman IM.

Terdapat juga beberapa aktiviti atau program yang berskala besar dicadangkan untuk dianjurkan secara bersama antara Persatuan Dalaman seperti program MAGIM StEPS yang memerlukan penglibatan semua Persatuan Dalaman IM. MAGIM StEPS merupakan program orientasi mahasiswa/wi baharu di Fakulti Pengurusan Maklumat. Memandangkan Persatuan Dalaman IM adalah berasaskan kepada setiap Pusat Pengajian, adalah mudah untuk mereka bekerjasama untuk melicinkan perjalanan program.

Bagi mencapai keberkesanan program SULAM yang merupakan PI Utama kepada HEP IM, Persatuan Dalaman (mengikut Pusat Pengajian) juga terlibat sebagai penganjur bersama kepada program berkenaan.

HEP IM amat menitik beratkan kualiti dan inovasi terhadap pembentukan perancangan aktiviti-aktiviti dilakukan secara berterusan dan terus terlaksana. Satu pendekatan yang dilakukan oleh pihak HEP IM adalah dengan menerapkan beberapa kualiti wajib untuk mengenalpasti penambahbaikan yang bersesuaian untuk diteruskan dan seterusnya melaksanakan inovasi di masa akan datang.

Pendekatan yang dinamakan sePADU diaplikasikan bagi menyebarkan kesedaran dan peningkatan pelajar dalam inovasi yang dibuat oleh HEP FPM bagi menyelaraskan kesejajaran aktiviti dengan komunikasi, potensi, produktiviti dan sokongan yang diperlukan sepanjang tempoh yang telah ditetapkan.

Komunikasi

Di dalam menyediakan perancangan, pelaksanaan, pemantauan mahupun penambahbaikan, ianya adalah paling efektif sekiranya komunikasi di antara pihak HEP, pentadbiran dan pelajar berjalan dengan lancar tanpa sebarang prejudis dan persefahaman bersama. Ini merupakan titik tolak ketelusan dalam pelaksanaan dasar kementerian untuk mewujudkan persekitaran kerja yang professional dan juga pemantapan modal insan.

Potensi

Adalah penting untuk pihak HEP dan pelajar untuk mengenali potensi yang ada dan menyarankan kegiatan aktiviti-aktiviti yang menarik dan memberikan impak tinggi terhadap pelajar dan juga fakulti, mewujudkan Anugerah Persatuan Terbaik Fakulti bagi menghargai jasa

dan pengorbanan Persatuan Dalamam untuk menaikkan nama fakulti di mata masyarakat/komuniti, industri dan ALUMNI, mewujudkan anugerah Tokoh Kepimpinan Cemerlang dikalangan pelajar aktif berpersatuan, menyantuni segala usaha pelajar sebagai pemangkin semangat dan penanda aras yang tinggi untuk menghasilkan yang lebih baik pada masa hadapan.

Produktiviti

Persatuan pelajar diletakkan objektif pencapaian terhadap aktiviti-aktiviti wajib yang mempunyai nilai-nilai seperti ukhwah sesama ahli persatuan, aktiviti bersama alumni dan industri, aktiviti peningkatan kemahiran, aktiviti kebajikan dan juga aktiviti perkongsian pengetahuan yang dapat meningkatkan produktiviti pelajar dan juga menaikkan nama FPM di pasaran global.

Sokongan

Bagi kesemua teras utama yang didokong oleh HEP, sokongan daripada segi moral, kewangan dan juga kebajikan pelajar dan pegawai yang terlibat dengan HEP diberikan perhatian agar semangat untuk membudayakan nilai murni bangsa dapat dicapai bersama.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [Laporan Hasil Pelaksanaan Operasi - TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [Laporan Hasil Pelaksanaan Operasi - TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [Laporan Hasil Pelaksanaan Operasi - PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Laporan Hasil Pelaksanaan Operasi - KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL PENCAPAIAN TUMPUAN PELANGGAN - USAHA MEMBANTU PELAJAR SEMASA PANDEMIK

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan utama Hal Ehwal Pelajar (HEP) Fakulti Pengurusan Maklumat (IM) ialah kepada pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat. Menjaga kebajikan pelajar adalah juga fokus utama HEP IM disamping melahirkan pelajar yang berinsaniah tinggi.

Aspek kebajikan pelajar adalah amat dititikberatkan. Bantuan kewangan seperti zakat akan diusahakan oleh HEP IM kepada pelajar yang memerlukan. Begitu juga sokongan dari aspek masalah peribadi yang melibatkan institusi kekeluargaan dan lain-lain. Pihak HEP IM memandang serius dengan setiap aduan yang diterima dari setiap pelajar dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membantu pelajar yang bermasalah.

MPP dan Persatuan Dalam IM banyak membantu HEP IM terutama ketika bermulanya pandemik yang tampak agak kelam kabut pada Mac 2020. Situasi tersebut adalah disebabkan oleh banyak faktor seperti hebahan maklumat yang menakutkan didalam media sosial yang mewujudkan kekalutan dikalangan pelajar dan ibubapa. Dipermulaan langkah, MPP banyak membantu di dalam mententeramkan pelajar dengan menyampaikan hebahan secara langsung daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Shah Alam.

Sesi pembelajaran daripada kelas secara fizikal (face-to-face) telah bertukar kepada Online Distance Learning (ODL). Pelajar tidak dibenarkan kembali ke kampus. Semester pengajian harus diteruskan. Permulaan kelas ODL tidak menampakkan banyak bantahan dan rintangan. Mungkin disebabkan oleh keterujaan semua pelajar dengan kelas secara maya (ODL) ini. Masalah muncul pada bulan kedua ODL. Ketika inilah segala jenis masalah dan rungutan pelajar telah muncul. MPP telah mengeluarkan borang (google form) untuk melihat dan mengkaji masalah pelajar atas arahan daripada HEP IM dan BHEP Shah Alam.

Antara inisiatif HEP IM untuk mengatasi masalah-masalah yang diutarakan oleh pelajar adalah dengan:

- a) Memberikan RM30.00 sebagai data internet kepada pelajar yang terlibat dalam menguruskan aktiviti persatuan.
- b) Menyediakan bekalan makanan kepada para pelajar yang menginap di rumah sewa dan yang berada di kolej akibat daripada kesukaran untuk mendapatkan makanan ketika PKP dilaksanakan (dengan mendapat dana dan bantuan daripada MPP, Persatuan Dalam serta para kakitangan IM).
- c) Mendapatkan laptop terpakai daripada ALUMNI IM untuk diberikan kepada pelajar B40 IM yang amat memerlukan laptop.
- d) Bantuan kewangan dan barangan rumah kepada pelajar daripada keluarga B40 (dengan pendapatan keluarga adalah dibawah RM1500.00) serta pelajar yatim piatu

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [7.3.2_Laporan_Hasil_Pelaksanaan_Tumpuan_Pelanggan_TAHAP.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [7.3.3 Laporan Hasil Pelaksanaan Tumpuan Pelanggan PERBANDINGAN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [7.3.4 Laporan Hasil Pelaksanaan Tumpuan Pelanggan PERBANDINGAN_FPM.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [Laporan Hasil Pelaksanaan Tumpuan Pelanggan - KEPENTINGAN.pdf](#)